# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

VERSI DALAM TALIAN TEKS
CETAKAN SEMULA YANG KEMAS KINI

## Akta 709

# AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010

*Sebagaimana pada 15 Jun 2016*

**AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010**

| | | |
|---|---|---|
| Tarikh Perkenan Diraja | … … … … | 2 Jun 2010 |
| Tarikh penyiaran dalam *Warta* | … … … … | 10 Jun 2010 |

# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

# Akta 709

# AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Pemakaian
3. Ketidakpakaian
4. Tafsiran

BAHAGIAN II

PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

Penggal I

*Prinsip Perlindungan Data Peribadi*

5. Prinsip Perlindungan Data Peribadi
6. Prinsip Am
7. Prinsip Notis dan Pilihan
8. Prinsip Penzahiran
9. Prinsip Keselamatan
10. Prinsip Penyimpanan
11. Prinsip Integriti Data
12. Prinsip Akses

Penggal 2

*Pendaftaran*

Seksyen

13. Pemakaian Penggal ini
14. Pendaftaran pengguna data
15. Permohonan untuk pendaftaran
16. Perakuan pendaftaran
17. Pembaharuan perakuan pendaftaran
18. Pembatalan pendaftaran
19. Penyerahan perakuan pendaftaran
20. Daftar Pengguna Data

Penggal 3

*Forum pengguna data dan tataamalan*

21. Forum pengguna data
22. Daftar Forum Pengguna Data
23. Tataamalan
24. Pesuruhjaya boleh mengeluarkan tataamalan
25. Tataamalan yang terpakai
26. Pembatalan, dsb., tataamalan
27. Pengemukaan tataamalan yang baru oleh forum pengguna data
28. Daftar Tataamalan
29. Ketidakpatuhan tataamalan

Penggal 4

*Hak subjek data*

30. Hak untuk mengakses data peribadi
31. Pematuhan permintaan mengakses data
32. Hal keadaan yang pengguna data boleh enggan mematuhi permintaan mengakses data

Seksyen

33. Pemberitahuan mengenai keengganan mematuhi permintaan mengakses data
34. Hak untuk membetulkan data peribadi
35. Pematuhan permintaan pembetulan data
36. Hal keadaan yang pengguna data boleh enggan mematuhi permintaan pembetulan data
37. Pemberitahuan mengenai keengganan untuk mematuhi permintaan pembetulan data
38. Penarikan balik persetujuan untuk memproses data peribadi
39. Takat penzahiran data peribadi
40. Pemprosesan data peribadi sensitif
41. Pengumpulan data peribadi secara berulang dalam hal keadaan yang sama
42. Hak untuk menghalang pemprosesan yang mungkin menyebabkan kerosakan atau distres
43. Hak untuk menghalang pemprosesan bagi maksud pemasaran langsung
44. Rekod disimpan oleh pengguna data

BAHAGIAN III

PENGECUALIAN

45. Pengecualian
46. Kuasa untuk membuat pengecualian tambahan

BAHAGIAN IV

PELANTIKAN, FUNGSI DAN KUASA PESURUHJAYA

47. Pelantikan Pesuruhjaya
48. Fungsi Pesuruhjaya
49. Kuasa Pesuruhjaya
50. Pelantikan Timbalan Pesuruhjaya dan Penolong Pesuruhjaya
51. Pelantikan pegawai lain dan pekhidmat
52. Pinjaman dan wang pendahuluan kepada pegawai dan pekhidmat

Seksyen

53. Tempoh jawatan
54. Pembatalan pelantikan dan peletakan jawatan
55. Penjalanan sementara fungsi dan kuasa Pesuruhjaya
56. Pengosongan jawatan
57. Saraan dan elaun
58. Pewakilan fungsi dan kuasa Pesuruhjaya
59. Arahan oleh Menteri
60. Penyata, laporan, akaun dan maklumat

BAHAGIAN V

KUMPULAN WANG PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

61. Penubuhan Kumpulan Wang
62. Perbelanjaan yang hendaklah dipertanggungkan pada Kumpulan Wang
63. Pemeliharaan Kumpulan Wang
64. Kumpulan wang rizab
65. Tahun kewangan
66. Batasan untuk berkontrak
67. Akaun bank
68. Akaun dan audit
69. Perbelanjaan dan penyediaan anggaran

BAHAGIAN VI

JAWATANKUASA PENASIHAT PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

70. Penubuhan Jawatankuasa Penasihat
71. Fungsi Jawatankuasa Penasihat
72. Anggota Jawatankuasa Penasihat
73. Tempoh jawatan
74. Pembatalan pelantikan dan peletakan jawatan
75. Penjalanan sementara fungsi Pengerusi

Seksyen

76. Pengosongan jawatan
77. Elaun
78. Masa dan tempat mesyuarat
79. Jawatankuasa Penasihat boleh mengundang orang lain untuk menghadiri mesyuarat
80. Minit
81. Tatacara
82. Anggota hendaklah menumpukan masa kepada urusan Jawatankuasa Penasihat

Bahagian VII

TRIBUNAL RAYUAN

83. Penubuhan Tribunal Rayuan
84. Kuasa Tribunal Rayuan
85. Keanggotaan Tribunal Rayuan
86. Setiausaha Tribunal Rayuan dan pegawai lain, dsb.
87. Tempoh jawatan
88. Peletakan jawatan dan pembatalan jawatan
89. Penjalanan sementara fungsi Pengerusi
90. Pengosongan jawatan
91. Elaun
92. Penzahiran kepentingan
93. Rayuan kepada Tribunal Rayuan
94. Rekod keputusan Pesuruhjaya
95. Penggantungan keputusan sementara menunggu rayuan
96. Keanggotaan Tribunal Rayuan
97. Persidangan Tribunal Rayuan
98. Tatacara Tribunal Rayuan
99. Keputusan Tribunal Rayuan

Seksyen

100. Penguatkuasaan keputusan Tribunal Rayuan

BAHAGIAN VIII

PEMERIKSAAN, ADUAN DAN PENYIASATAN

101. Pemeriksaan sistem data peribadi

102. Pengguna data yang berkaitan, dsb., hendaklah dimaklumkan mengenai keputusan pemeriksaan

103. Laporan oleh Pesuruhjaya

104. Aduan

105. Penyiasatan oleh Pesuruhjaya

106. Sekatan terhadap penyiasatan yang dimulakan melalui aduan

107. Pesuruhjaya boleh menjalankan atau meneruskan penyiasatan yang dimulakan melalui aduan walaupun aduan itu ditarik balik

108. Notis penguatkuasaan

109. Perubahan atau pembatalan notis penguatkuasaan

BAHAGIAN IX

PENGUATKUASAAN

110. Pegawai diberi kuasa

111. Kad kuasa

112. Kuasa penyiasatan

113. Penggeledahan dan penyitaan dengan waran

114. Penggeledahan dan penyitaan tanpa waran

115. Capaian kepada data berkomputer

116. Waran boleh diterima walaupun cacat

117. Senarai komputer, buku, akaun, dsb., yang disita

118. Pelepasan komputer, buku, akaun, dsb., yang disita

119. Tiada kos atau ganti rugi yang berbangkit daripada penyitaan boleh didapatkan

120. Halangan terhadap penggeledahan

Seksyen

121. Kuasa untuk menghendaki pengemukaan komputer, buku, akaun, dsb.

122. Kuasa untuk menghendaki kehadiran orang yang mempunyai pengetahuan tentang kes

123. Pemeriksaan orang yang mempunyai pengetahuan tentang kes

124. Kebolehterimaan pernyataan sebagai keterangan

125. Pelucuthakan komputer, buku, akaun, dsb., yang disita

126. Percantuman kesalahan

127. Kuasa menangkap

## BAHAGIAN X

## PELBAGAI

128. Daftar

129. Pemindahan data peribadi ke tempat di luar Malaysia

130. Pengumpulan, dsb., data peribadi yang menyalahi undang-undang

131. Pensubahatan dan cubaan boleh dihukum sebagai kesalahan

132. Pengkompaunan kesalahan

133. Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan

134. Pendakwaan

135. Bidang kuasa untuk membicarakan kesalahan

136. Penyampaian notis atau dokumen lain

137. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948

138. Pekhidmat awam

139. Perlindungan terhadap guaman dan prosiding undang-undang

140. Perlindungan pemberi maklumat

141. Obligasi kerahsiaan

142. Benda yang dilakukan dalam menjangkakan Akta ini akan diperbuat

143. Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan

144. Pencegahan anomali

BAHAGIAN XI

PERUNTUKAN KECUALIAN DAN PERALIHAN

Seksyen

145. Data peribadi yang diproses sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini

146. Pendaftaran orang yang memproses data peribadi sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini

# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

## Akta 709

## AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010

Suatu Akta untuk mengawal selia pemprosesan data peribadi dalam transaksi komersial dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dan bersampingan dengannya.

[*15 November 2013*; *P.U. (B) 464/2013*]

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

### BAHAGIAN I

### PERMULAAN

**Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

**1.** (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*, dan Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi peruntukan yang berlainan dalam Akta ini.

**Pemakaian**

**2.** (1) Akta ini terpakai bagi—

*(a)* mana-mana orang yang memproses; dan

*(b)* mana-mana orang yang mempunyai kawalan terhadap atau membenarkan pemprosesan,

apa-apa data peribadi berkenaan dengan transaksi komersial.

(2) Tertakluk kepada subseksyen (1), Akta ini terpakai bagi seseorang berkenaan dengan data peribadi jika—

*(a)* orang itu ditubuhkan di Malaysia dan data peribadi itu diproses, sama ada dalam konteks pertubuhan itu atau tidak, oleh orang itu atau mana-mana orang lain yang diambil kerja atau diguna khidmat oleh pertubuhan itu; atau

*(b)* orang itu tidak ditubuhkan di Malaysia, tetapi menggunakan kelengkapan di Malaysia bagi memproses data peribadi itu selain bagi maksud transit melalui Malaysia.

(3) Seseorang yang diliputi oleh perenggan (2)*(b)* hendaklah menamakan bagi maksud Akta ini seorang wakil yang ditubuhkan di Malaysia.

(4) Bagi maksud subseksyen (2) dan (3), setiap yang berikut hendaklah dianggap sebagai ditubuhkan di Malaysia:

*(a)* seseorang individu yang kehadirannya secara fizikal di Malaysia hendaklah tidak kurang daripada satu ratus lapan puluh hari dalam satu tahun kalendar;

*(b)* sesuatu badan yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*];

*(c)* sesuatu perkongsian atau persatuan yang tidak diperbadankan lain yang dibentuk di bawah mana-mana undang-undang bertulis di Malaysia; dan

*(d)* mana-mana orang yang tidak diliputi oleh perenggan *(a)*, *(b)* atau *(c)* tetapi menyenggara di Malaysia—

(i) suatu pejabat, cawangan atau agensi yang melaluinya dia menjalankan apa-apa aktiviti; atau

(ii) suatu amalan tetap.

**Ketidakpakaian**

**3.** (1) Akta ini tidaklah terpakai bagi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

(2) Akta ini tidaklah terpakai bagi apa-apa data peribadi yang diproses di luar Malaysia melainkan jika data peribadi itu diniatkan untuk diproses selanjutnya di Malaysia.

**Tafsiran**

**4.** Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

"agensi pelaporan kredit" mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010 [*Akta 710*];

"Akta ini" termasuk peraturan-peraturan, perintah, pemberitahuan dan perundangan subsidiari lain yang dibuat di bawah Akta ini;

"daftar" ertinya Daftar Pengguna Data, Daftar Forum Pengguna Data atau Daftar Tataamalan;

"data peribadi" ertinya apa-apa maklumat yang berkenaan dengan transaksi komersial, yang—

*(a)* sedang diproses secara keseluruhannya atau sebahagiannya melalui kelengkapan yang dikendalikan secara automatik sebagai tindak balas kepada arahan yang diberikan bagi maksud itu;

*(b)* direkodkan dengan niat bahawa ia sepatutnya diproses secara keseluruhannya atau sebahagiannya melalui kelengkapan itu; atau

*(c)* direkodkan sebagai sebahagian daripada sistem pemfailan yang berkaitan atau dengan niat bahawa ia sepatutnya menjadi sebahagian daripada sistem pemfailan yang berkaitan,

yang berhubungan secara langsung atau tidak langsung dengan seorang subjek data, yang dikenal pasti atau boleh dikenal pasti daripada maklumat itu atau daripada maklumat itu dan maklumat lain dalam milikan seorang pengguna data, termasuk apa-apa data peribadi sensitif dan penyataan pendapat tentang subjek data itu; tetapi tidak termasuk apa-apa maklumat yang diproses bagi maksud suatu perniagaan pelaporan kredit yang dijalankan oleh sesuatu agensi pelaporan kredit di bawah Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010;

"data peribadi sensitif" ertinya apa-apa data peribadi yang mengandungi maklumat tentang kesihatan atau keadaan fizikal atau mental seorang subjek data, pendapat politiknya, kepercayaan agamanya atau kepercayaan lain yang bersifat seumpamanya, pelakuan atau pengataan pelakuan apa-apa kesalahan olehnya atau apa-apa data peribadi lain yang ditentukan oleh Menteri melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*;

"ditetapkan" ertinya ditetapkan oleh Menteri di bawah Akta ini dan jika tiada cara disebut, ertinya ditetapkan melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*;

"Jawatankuasa Penasihat" ertinya Jawatankuasa Penasihat Perlindungan Data Peribadi yang ditubuhkan di bawah seksyen 70;

"kepentingan vital" ertinya perkara yang berhubungan dengan kehidupan, kematian atau keselamatan seorang subjek data;

"Kumpulan Wang" ertinya Kumpulan Wang Perlindungan Data Peribadi yang ditubuhkan di bawah seksyen 61;

"menggunakan", berhubung dengan data peribadi, tidak termasuk perbuatan mengumpul atau menzahirkan data peribadi itu;

"mengumpul", berhubung dengan data peribadi, ertinya perbuatan yang melaluinya data peribadi itu termasuk ke dalam atau berada di bawah kawalan seorang pengguna data;

"Menteri" ertinya Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi perlindungan data peribadi;

"menzahirkan", berhubung dengan data peribadi, ertinya perbuatan yang melaluinya data peribadi itu disediakan oleh seorang pengguna data;

"orang yang berkaitan", berhubung dengan seorang subjek data, dengan apa jua cara sekalipun diperihalkan, ertinya—

*(a)* dalam hal seorang subjek data yang di bawah umur lapan belas tahun, ibu bapa, penjaga atau seseorang yang mempunyai tanggungjawab ibu bapa terhadap subjek data itu;

*(b)* dalam hal seorang subjek data yang tidak berupaya menguruskan hal ehwalnya sendiri, seorang yang dilantik oleh mahkamah untuk menguruskan hal ehwal itu, atau seorang yang diberi kuasa secara bertulis oleh subjek data untuk bertindak bagi pihak subjek data itu; atau

*(c)* dalam mana-mana hal lain, seorang yang diberi kuasa secara bertulis oleh subjek data untuk membuat suatu permintaan mengakses data, permintaan pembetulan data, atau kedua-dua permintaan itu, bagi pihak subjek data itu;

"pegawai diberi kuasa" ertinya mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pesuruhjaya di bawah seksyen 110;

"pembetulan", berhubung dengan data peribadi, termasuk pindaan, perubahan, ubah suaian atau pemotongan;

"peminta", berhubung dengan suatu permintaan mengakses data atau permintaan pembetulan data, ertinya subjek data atau orang yang berkaitan bagi pihak subjek data itu, yang membuat permintaan itu;

"pemproses data", berhubung dengan data peribadi, ertinya mana-mana orang, selain seorang pekerja pengguna data, yang memproses data peribadi itu semata-mata bagi pihak pengguna data itu, dan tidak memproses data peribadi itu bagi apa-apa maksud persendiriannya;

"pemprosesan", berhubung dengan data peribadi, ertinya mengumpul, merekod, memegang atau menyimpan data peribadi itu atau menjalankan apa-apa pengendalian atau set pengendalian terhadap data peribadi itu, termasuk—

*(a)* penyusunan, penyesuaian atau pengubahan data peribadi;

*(b)* mendapatkan kembali, merujuk kepada atau menggunakan data peribadi;

*(c)* penzahiran data peribadi melalui penghantaran, pemindahan, penyebaran atau selainnya menjadikannya tersedia; atau

*(d)* penjajaran, penggabungan, pembetulan, pemadaman atau pemusnahan data peribadi;

"pendaftaran" ertinya pendaftaran seorang pengguna data di bawah seksyen 16;

"pengguna data" ertinya seseorang yang sama ada berseorangan atau bersesama atau bersama dengan orang lain memproses apa-apa data peribadi atau mempunyai kawalan terhadap atau membenarkan pemprosesan apa-apa data peribadi, tetapi tidak termasuk seorang pemproses data;

"pengguna data yang berkaitan", berhubung dengan—

*(a)* sesuatu pemeriksaan, ertinya pengguna data yang menggunakan sistem data peribadi yang menjadi subjek pemeriksaan itu;

*(b)* sesuatu aduan, ertinya pengguna data yang dinyatakan dalam aduan itu;

*(c)* sesuatu penyiasatan—

(i) dalam hal suatu penyiasatan yang dimulakan dengan suatu aduan, ertinya pengguna data yang dinyatakan dalam aduan itu;

(ii) dalam mana-mana hal lain, ertinya pengggguna data yang menjadi subjek penyiasatan itu;

*(d)* sesuatu notis penguatkuasaan, ertinya pengguna data yang terhadapnya disampaikan notis penguatkuasaan itu;

"perniagaan pelaporan kredit" mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010;

"Pesuruhjaya" ertinya Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi yang dilantik di bawah seksyen 47;

"pihak ketiga", berhubung dengan data peribadi, ertinya mana-mana orang selain—

*(a)* seorang subjek data;

*(b)* seorang yang berkaitan yang berhubungan dengan seorang subjek data;

*(c)* seorang pengguna data;

*(d)* seorang pemproses data; atau

*(e)* seorang yang diberi kuasa secara bertulis oleh pengguna data untuk memproses data peribadi di bawah kawalan langsung pengguna data itu;

"sistem pemfailan yang berkaitan" ertinya apa-apa set maklumat yang berhubungan dengan individu setakat yang, walaupun maklumat itu tidak diproses melalui kelengkapan yang dikendalikan secara automatik sebagai tindak balas kepada arahan yang diberikan bagi maksud itu, set maklumat itu distrukturkan, sama ada dengan merujuk kepada individu atau dengan merujuk kepada kriteria yang berhubungan dengan individu, dengan apa-apa cara supaya maklumat khusus yang berhubungan dengan individu tertentu boleh diakses dengan mudah;

"subjek data" ertinya seseorang individu yang menjadi subjek data peribadi itu;

"tarikh yang ditetapkan" ertinya tarikh atau tarikh-tarikh yang berkaitan, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang padanya Akta ini mula berkuat kuasa;

"tataamalan" ertinya tataamalan perlindungan data peribadi berkenaan dengan suatu golongan pengguna data khusus yang didaftarkan oleh Pesuruhjaya menurut seksyen 23 atau yang dikeluarkan oleh Pesuruhjaya di bawah seksyen 24;

"transaksi komersial" ertinya apa-apa transaksi bersifat komersial, sama ada secara kontrak atau tidak, yang termasuk apa-apa perkara yang berhubungan dengan pembekalan atau pertukaran barang atau perkhidmatan, agensi, pelaburan, pembiayaan, perbankan dan insurans, tetapi tidak termasuk sesuatu perniagaan pelaporan kredit yang dijalankan oleh sesuatu agensi pelaporan kredit di bawah Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010.

BAHAGIAN II

PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

Penggal 1

*Prinsip Perlindungan Data Peribadi*

**Prinsip Perlindungan Data Peribadi**

**5.** (1) Pemprosesan data peribadi oleh seseorang pengguna data hendaklah mematuhi Prinsip Perlindungan Data Peribadi yang berikut, iaitu—

*(a)* Prinsip Am;

*(b)* Prinsip Notis dan Pilihan;

*(c)* Prinsip Penzahiran;

*(d)* Prinsip Keselamatan;

*(e)* Prinsip Penyimpanan;

*(f)* Prinsip Integriti Data; dan

*(g)* Prinsip Akses,

sebagaimana yang dinyatakan dalam seksyen 6, 7, 8, 9, 10, 11 dan 12.

(2) Tertakluk kepada seksyen 45 dan 46, seseorang pengguna data yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

**Prinsip Am**

**6.** (1) Seseorang pengguna data tidak boleh—

*(a)* dalam hal data peribadi selain data peribadi sensitif, memproses data peribadi mengenai seorang subjek data melainkan jika subjek data itu telah memberikan persetujuannya bagi pemprosesan data peribadi itu; atau

*(b)* dalam hal data peribadi sensitif, memproses data peribadi sensitif mengenai seorang subjek data kecuali mengikut peruntukan seksyen 40.

(2) Walau apa pun perenggan (1)*(a)*, seseorang pengguna data boleh memproses data peribadi mengenai seorang subjek data jika pemprosesan itu perlu—

*(a)* bagi melaksanakan sesuatu kontrak yang subjek data itu ialah suatu pihak kepadanya;

*(b)* bagi mengambil langkah atas permintaan subjek data itu dengan tujuan untuk membuat sesuatu kontrak;

*(c)* bagi mematuhi apa-apa obligasi undang-undang yang pengguna data itu merupakan subjek baginya, selain suatu obligasi yang dikenakan oleh sesuatu kontrak;

*(d)* bagi melindungi kepentingan vital subjek data itu;

*(e)* bagi mentadbirkan keadilan; atau

*(f)* bagi menjalankan apa-apa fungsi yang diberikan kepada mana-mana orang oleh atau di bawah mana-mana undang-undang.

(3) Data peribadi tidak boleh diproses melainkan jika—

*(a)* data peribadi itu diproses bagi maksud yang sah yang berhubungan secara langsung dengan aktiviti pengguna data itu;

*(b)* pemprosesan data peribadi itu perlu bagi atau berhubungan secara langsung dengan maksud itu; dan

*(c)* data peribadi itu adalah mencukupi tetapi tidak berlebihan berhubung dengan maksud itu.

**Prinsip Notis dan Pilihan**

**7.** (1) Seseorang pengguna data hendaklah melalui notis bertulis memaklumkan seorang subjek data—

*(a)* bahawa data peribadi subjek data itu sedang diproses oleh atau bagi pihak pengguna data itu, dan hendaklah memberikan perihalan data peribadi itu kepada subjek data itu;

*(b)* maksud yang baginya data peribadi itu sedang atau akan dikumpulkan dan diproses selanjutnya;

*(c)* apa-apa maklumat yang ada pada pengguna data itu tentang sumber data peribadi itu;

*(d)* hak subjek data itu untuk meminta akses kepada dan untuk meminta pembetulan terhadap data peribadi itu dan bagaimana untuk menghubungi pengguna data itu tentang apa-apa pertanyaan atau aduan berkenaan dengan data peribadi itu;

*(e)* golongan pihak ketiga yang kepadanya pengguna data menzahirkan atau boleh menzahirkan data peribadi itu;

*(f)* pilihan dan cara yang ditawarkan oleh pengguna data itu kepada subjek data bagi mengehadkan pemprosesan data peribadi, termasuklah data peribadi yang berhubungan dengan orang lain yang boleh dikenal pasti daripada data peribadi itu;

*(g)* sama ada wajib atau sukarela bagi subjek data untuk memberikan data peribadi itu; dan

*(h)* jika wajib bagi subjek data itu untuk memberikan data peribadi itu, akibat kepadanya jika dia tidak memberikan data peribadi itu.

(2) Notis di bawah subseksyen (1) hendaklah diberikan dengan secepat yang dapat dilaksanakan oleh pengguna data itu—

*(a)* apabila subjek data itu pertama kalinya diminta oleh pengguna data itu untuk memberikan data peribadinya;

*(b)* apabila pengguna data itu pertama kalinya mengumpul data peribadi subjek data itu; atau

*(c)* dalam mana-mana hal lain, sebelum pengguna data itu–

(i) menggunakan data peribadi subjek data itu bagi maksud selain maksud yang baginya data peribadi itu dikumpulkan; atau

(ii) menzahirkan data peribadi itu kepada pihak ketiga.

(3) Suatu notis di bawah subseksyen (1) hendaklah dalam bahasa kebangsaan dan bahasa Inggeris, dan individu itu hendaklah diberi cara yang jelas dan mudah diakses untuk membuat pilihannya, jika perlu, dalam bahasa kebangsaan dan bahasa Inggeris.

**Prinsip Penzahiran**

**8.** Tertakluk kepada seksyen 39, tiada data peribadi boleh, tanpa persetujuan subjek data, dizahirkan—

*(a)* bagi apa-apa maksud selain—

(i) maksud yang baginya data peribadi itu hendak dizahirkan pada masa pengumpulan data peribadi itu; atau

(ii) suatu maksud yang berhubungan secara langsung dengan maksud yang disebut dalam subperenggan (i); atau

*(b)* kepada mana-mana pihak selain pihak ketiga daripada golongan pihak ketiga yang dinyatakan dalam perenggan 7(1)*(e)*.

**Prinsip Keselamatan**

**9.** (1) Seseorang pengguna data hendaklah, apabila memproses data peribadi, mengambil langkah yang praktikal untuk melindungi data peribadi itu daripada apa-apa kehilangan, salah guna, ubah suaian, akses atau penzahiran tanpa kebenaran atau tidak sengaja, pengubahan atau pemusnahan dengan mengambil kira—

*(a)* sifat data peribadi itu dan kemudaratan akibat daripada kehilangan, salah guna, ubah suaian, akses atau penzahiran tanpa kebenaran atau tidak sengaja, pengubahan atau pemusnahan itu;

*(b)* tempat atau lokasi di mana data peribadi itu disimpan;

*(c)* apa-apa langkah keselamatan yang digabungkan ke dalam apa-apa kelengkapan yang dalamnya data peribadi itu disimpan;

*(d)* langkah yang diambil untuk memastikan kebolehpercayaan, integriti dan kewibawaan personel yang mempunyai akses kepada data peribadi itu; dan

*(e)* langkah yang diambil bagi memastikan pemindahan selamat data peribadi itu.

(2) Jika pemprosesan data peribadi dijalankan oleh seorang pemproses data bagi pihak pengguna data, pengguna data itu hendaklah, bagi maksud melindungi data peribadi itu daripada apa-apa kehilangan, salah guna, ubah suaian, akses atau penzahiran tanpa kebenaran atau tidak sengaja, pengubahan atau pemusnahan, memastikan bahawa pemproses data itu—

*(a)* memberikan jaminan yang mencukupi berkenaan dengan langkah keselamatan teknikal dan organisasi yang mengawal pemprosesan yang akan dijalankan; dan

*(b)* mengambil langkah yang munasabah bagi memastikan pematuhan langkah itu.

**Prinsip Penyimpanan**

**10.** (1) Data peribadi yang diproses bagi apa-apa maksud tidak boleh disimpan lebih lama daripada yang diperlukan bagi memenuhi maksud itu.

(2) Menjadi kewajipan seorang pengguna data untuk mengambil segala langkah yang munasabah untuk memastikan bahawa segala data peribadi dimusnahkan atau dipadamkan secara kekal jika data peribadi itu tidak lagi dikehendaki bagi maksud yang baginya data peribadi itu hendak diproses.

**Prinsip Integriti Data**

**11.** Seseorang pengguna data hendaklah mengambil langkah yang munasabah untuk memastikan bahawa data peribadi adalah tepat,

lengkap, tidak mengelirukan dan terkini dengan mengambil kira maksud, termasuk apa-apa maksud yang berhubungan secara langsung, yang baginya data peribadi itu dikumpulkan dan diproses selanjutnya.

**Prinsip Akses**

**12.** Seseorang subjek data hendaklah diberi akses kepada data peribadinya yang dipegang oleh seorang pengguna data dan boleh membetulkan data peribadi itu jika data peribadi itu tidak tepat, tidak lengkap, mengelirukan atau tidak terkini, kecuali jika pematuhan dengan permintaan untuk akses atau pembetulan itu enggan diberikan di bawah Akta ini.

Penggal 2

*Pendaftaran*

**Pemakaian Penggal ini**

**13.** (1) Penggal ini hendaklah terpakai bagi seorang pengguna data yang berada dalam golongan pengguna data yang dinyatakan dalam perintah yang dibuat di bawah subseksyen 14(1).

(2) Seorang pengguna data yang berada dalam golongan pengguna data yang tidak dinyatakan dalam perintah yang dibuat di bawah subseksyen 14(1) hendaklah mematuhi semua peruntukan Akta ini selain peruntukan Penggal ini yang berhubungan dengan pendaftaran pengguna data dan perkara yang berkaitan dengannya.

**Pendaftaran pengguna data**

**14.** (1) Menteri boleh, atas syor Pesuruhjaya, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, menyatakan golongan pengguna data yang dikehendaki untuk didaftarkan sebagai pengguna data di bawah Akta ini.

(2) Pesuruhjaya hendaklah, sebelum membuat syornya di bawah subseksyen (1), berunding dengan—

*(a)* mana-mana badan yang mewakili pengguna data yang berada dalam golongan itu; atau

*(b)* mana-mana orang berkepentingan yang lain.

**Permohonan untuk pendaftaran**

**15.** (1) Seseorang yang berada dalam golongan pengguna data yang dinyatakan dalam perintah yang dibuat di bawah subseksyen 14(1) hendaklah mengemukakan suatu permohonan untuk pendaftaran kepada Pesuruhjaya mengikut cara dan dalam bentuk yang ditentukan oleh Pesuruhjaya.

(2) Tiap-tiap permohonan untuk pendaftaran hendaklah disertai dengan fi pendaftaran yang ditetapkan dan apa-apa dokumen sebagaimana yang dikehendaki oleh Pesuruhjaya.

(3) Pesuruhjaya boleh secara bertulis pada bila-bila masa selepas menerima permohonan dan sebelum permohonan itu diputuskan, menghendaki pemohon untuk memberikan apa-apa dokumen atau maklumat tambahan dalam tempoh masa yang dinyatakan oleh Pesuruhjaya.

(4) Jika kehendak di bawah subseksyen (3) tidak dipatuhi, permohonan untuk pendaftaran hendaklah disifatkan telah ditarik balik oleh pemohon dan tidak boleh diteruskan oleh Pesuruhjaya, tetapi tanpa menjejaskan suatu permohonan baru dibuat oleh pemohon.

**Perakuan pendaftaran**

**16.** (1) Selepas pertimbangan yang sewajarnya diberikan kepada suatu permohonan di bawah subseksyen 15(1), Pesuruhjaya boleh—

*(a)* mendaftarkan pemohon dan mengeluarkan suatu perakuan pendaftaran kepada pemohon itu dalam apa-apa bentuk yang ditentukan oleh Pesuruhjaya; atau

*(b)* menolak permohonan itu.

(2) Perakuan pendaftaran boleh dikeluarkan tertakluk kepada apa-apa syarat atau sekatan yang difikirkan wajar untuk dikenakan oleh Pesuruhjaya.

(3) Jika Pendaftar menolak permohonan untuk pendaftaran menurut subseksyen (1), dia hendaklah memaklumkan pemohon melalui suatu notis bertulis bahawa permohonan itu ditolak dan sebab-sebab baginya.

(4) Seseorang yang berada dalam golongan pengguna data yang dinyatakan dalam perintah yang dibuat di bawah subseksyen 14(1) dan yang memproses data peribadi tanpa suatu perakuan pendaftaran yang dikeluarkan menurut perenggan 16(1)*(a)* melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

**Pembaharuan perakuan pendaftaran**

**17.** (1) Seseorang pengguna data boleh membuat suatu permohonan bagi pembaharuan perakuan pendaftaran tidak lewat daripada sembilan puluh hari sebelum tarikh habis tempoh perakuan pendaftaran itu mengikut cara dan dalam bentuk yang ditentukan oleh Pesuruhjaya dan permohonan itu hendaklah disertai dengan fi pembaharuan yang ditetapkan dan apa-apa dokumen yang dikehendaki oleh Pesuruhjaya, tetapi tiada permohonan bagi pembaharuan boleh dibenarkan jika permohonan itu dibuat selepas tarikh habis tempoh perakuan pendaftaran itu.

(2) Apabila membaharui suatu perakuan pendaftaran, Pesuruhjaya boleh mengubah syarat atau sekatan yang dikenakan

semasa perakuan pendaftaran itu dikeluarkan atau mengenakan syarat atau sekatan tambahan.

(3) Pesuruhjaya boleh enggan untuk membaharui suatu perakuan pendaftaran—

*(a)* jika pengguna data itu tidak mematuhi mana-mana peruntukan Akta ini;

*(b)* jika pengguna data itu tidak mematuhi apa-apa syarat atau sekatan yang dikenakan semasa perakuan pendaftaran itu dikeluarkan; atau

*(c)* jika dia berpuas hati bahawa pengguna data itu tidak boleh meneruskan pemprosesan data peribadi mengikut Akta ini.

**Pembatalan pendaftaran**

**18.** (1) Pesuruhjaya boleh membatalkan pendaftaran seseorang pengguna data jika Pesuruhjaya berpuas hati bahawa—

*(a)* pengguna data itu tidak mematuhi mana-mana peruntukan Akta ini;

*(b)* pengguna data itu tidak mematuhi apa-apa syarat atau sekatan yang dikenakan semasa perakuan pendaftaran itu dikeluarkan;

*(c)* pengeluaran perakuan pendaftaran itu didorong oleh representasi fakta yang palsu oleh pengguna data itu; atau

*(d)* pengguna data itu telah berhenti menjalankan pemprosesan data peribadi.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), Pesuruhjaya tidak boleh membatalkan pendaftaran seorang pengguna data melainkan jika

Pesuruhjaya berpuas hati bahawa, selepas memberi pengguna data itu peluang untuk membuat apa-apa representasi bertulis yang dihasratinya untuk dibuat, pendaftaran itu patut dibatalkan.

(3) Jika pendaftaran pengguna data itu dibatalkan, Pesuruhjaya hendaklah mengeluarkan suatu notis pembatalan pendaftaran kepada pengguna data itu, dan perakuan pendaftaran yang dikeluarkan berkenaan dengan pendaftaran itu tidaklah mempunyai kuat kuasa apabila disampaikan notis pembatalan pendaftaran itu.

(4) Seseorang pengguna data yang pendaftarannya telah dibatalkan di bawah seksyen ini dan yang terus memproseskan data peribadi selepas itu melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

**Penyerahan perakuan pendaftaran**

**19.** (1) Jika perakuan pendaftaran dibatalkan menurut seksyen 18, pemegang perakuan itu hendaklah, dalam masa tujuh hari dari tarikh penyampaian notis pembatalan pendaftaran itu, menyerahkan perakuan itu kepada Pesuruhjaya.

(2) Seseorang yang tidak mematuhi subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

**Daftar Pengguna Data**

**20.** (1) Pesuruhjaya hendaklah menyenggarakan suatu Daftar Pengguna Data mengikut seksyen 128.

(2) Daftar Pengguna Data itu hendaklah mengandungi nama pengguna data yang telah didaftarkan menurut Penggal ini dan

apa-apa butir lain berkenaan dengan pengguna data itu sebagaimana yang ditentukan oleh Pesuruhjaya.

Penggal 3

*Forum pengguna data dan tataamalan*

**Forum pengguna data**

**21.** (1) Pesuruhjaya boleh menamakan sesuatu badan sebagai suatu forum pengguna data berkenaan dengan sesuatu golongan pengguna data yang khusus bagi maksud Akta ini dengan memberitahu badan itu secara bertulis, jika Pesuruhjaya berpuas hati bahawa—

*(a)* keanggotaan badan itu terbuka kepada semua pengguna data dalam golongan itu;

*(b)* badan itu berupaya untuk melaksanakan sebagaimana yang dikehendaki di bawah peruntukan yang berkaitan Akta ini; dan

*(c)* badan itu mempunyai perlembagaan bertulis.

(2) Badan itu hendaklah bersetuju secara bertulis untuk menjadi suatu forum pengguna data sebelum penamaan itu didaftarkan oleh Pesuruhjaya dalam Daftar Forum Pengguna Data.

(3) Pesuruhjaya boleh memutuskan bahawa suatu badan yang sedia ada yang sebelum ini dinamakan sebagai suatu forum pengguna data di bawah subseksyen (1) tidak lagi menjadi forum pengguna data bagi maksud Akta ini, jika dia berpuas hati bahawa badan itu tidak lagi memenuhi kehendak yang dinyatakan dalam subseksyen itu.

(4) Jika Pesuruhjaya memutuskan bahawa suatu badan yang sedia ada yang telah dinamakan sebagai suatu forum pengguna data tidak lagi menjadi forum pengguna data bagi maksud Akta ini, dia hendaklah menarik balik penamaan itu dan kemudiannya

membatalkan pendaftaran penamaan itu dalam Daftar Forum Pengguna Data.

(5) Suatu penamaan atau penarikan balik penamaan di bawah seksyen ini hendaklah mula berkuat kuasa dari tarikh pendaftaran penamaan itu atau tarikh pembatalan pendaftaran penamaan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, atau apa-apa tarikh terkemudian yang dinyatakan oleh Pesuruhjaya.

**Daftar Forum Pengguna Data**

**22.** (1) Pesuruhjaya hendaklah menyenggarakan suatu Daftar Forum Pengguna Data mengikut seksyen 128.

(2) Daftar Forum Pengguna Data itu hendaklah mengandungi nama forum pengguna data yang telah dinamakan dan didaftarkan menurut Penggal ini dan apa-apa butir lain berkenaan dengan forum pengguna data itu sebagaimana yang ditentukan oleh Pesuruhjaya.

**Tataamalan**

**23.** (1) Sesuatu forum pengguna data boleh menyediakan suatu tataamalan—

*(a)* atas inisiatifnya sendiri; atau

*(b)* atas permintaan Pesuruhjaya.

(2) Forum pengguna data hendaklah, dalam menyediakan suatu tataamalan di bawah subseksyen (1), menimbangkan perkara termasuk—

*(a)* maksud bagi pemprosesan data peribadi oleh pengguna data atau golongan pengguna data;

*(b)* pandangan subjek data atau kumpulan yang mewakili subjek data;

*(c)* pandangan pihak berkuasa kawal selia yang berkaitan, jika ada, yang kepadanya pengguna data itu tertakluk; dan

*(d)* bahawa tataamalan itu, apabila mengambil kira semua perkara dalam perenggan *(a)*, *(b)* dan *(c)* dan apa-apa perkara lain, memberikan suatu tahap perlindungan yang mencukupi bagi data peribadi subjek data yang berkenaan.

(3) Pesuruhjaya boleh mendaftarkan tataamalan yang disediakan menurut subseksyen (1), jika Pesuruhjaya berpuas hati bahawa—

*(a)* tataamalan itu adalah selaras dengan peruntukan Akta ini; dan

*(b)* perkara yang dinyatakan dalam subseksyen (2) telah diberi pertimbangan yang sewajarnya.

(4) Tataamalan di bawah subseksyen (1) hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh pendaftaran tataamalan itu oleh Pesuruhjaya dalam Daftar Tataamalan.

(5) Jika Pesuruhjaya enggan mendaftarkan tataamalan itu, Pesuruhjaya hendaklah memberitahu forum pengguna data yang berkaitan mengenai keputusannya secara bertulis dan memberikan sebab-sebab bagi keputusannya.

(6) Jika Pesuruhjaya tidak mendaftarkan dan tidak juga enggan mendaftarkan suatu tataamalan dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh penerimaan tataamalan itu olehnya untuk pendaftaran, Pesuruhjaya hendaklah disifatkan telah enggan mendaftarkan tataamalan itu.

(7) Pesuruhjaya boleh mendaftarkan tataamalan yang berlainan bagi golongan pengguna data yang berlainan.

(8) Pesuruhjaya dan pengguna data hendaklah menjadikan tersedia bagi orang awam mana-mana tataamalan yang didaftarkan di bawah subseksyen (3).

**Pesuruhjaya boleh mengeluarkan tataamalan**

**24.** (1) Pesuruhjaya boleh mengeluarkan suatu tataamalan, jika—

*(a)* suatu tataamalan tidak disediakan di bawah perenggan 23(1)*(a)*;

*(b)* Pesuruhjaya berpuas hati bahawa suatu tataamalan bagi suatu golongan pengguna data yang khusus tidak mungkin akan disediakan oleh forum pengguna data yang berkaitan dalam tempoh yang ditentukan oleh Pesuruhjaya; atau

*(c)* tidak ada forum pengguna data untuk membangunkan tataamalan yang berkaitan bagi golongan pengguna data itu.

(2) Pesuruhjaya hendaklah, sebelum mengeluarkan suatu tataamalan di bawah subseksyen (1), menimbangkan perkara termasuk—

*(a)* maksud bagi pemprosesan data peribadi oleh pengguna data atau golongan pengguna data;

*(b)* pandangan pengguna data atau kumpulan yang mewakili pengguna data, yang baginya tataamalan itu terpakai;

*(c)* pandangan subjek data atau kumpulan yang mewakili subjek data;

*(d)* pandangan pihak berkuasa kawal selia yang berkaitan, jika ada, yang kepadanya pengguna data itu tertakluk; dan

(*e*) bahawa tataamalan itu, apabila mengambil kira semua perkara dalam perenggan *(a)*, *(b)* dan *(c)* dan apa-apa perkara lain, memberikan suatu tahap perlindungan yang mencukupi bagi data peribadi mengenai subjek data yang berkenaan.

(3) Pesuruhjaya boleh mengeluarkan tataamalan yang berlainan bagi golongan pengguna data yang berlainan.

(4) Tataamalan yang dikeluarkan oleh Pesuruhjaya di bawah subseksyen (1) hendaklah didaftarkan dalam Daftar Tataamalan.

(5) Tataamalan di bawah subseksyen (1) hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh pendaftaran tataamalan itu oleh Pesuruhjaya.

(6) Pesuruhjaya hendaklah menjadikan tersedia bagi orang awam mana-mana tataamalan yang dikeluarkan olehnya di bawah subseksyen (1).

**Tataamalan yang terpakai**

**25.** (1) Pesuruhjaya hendaklah memastikan bahawa ada hanya satu tataamalan yang didaftarkan bagi suatu golongan pengguna data pada sesuatu masa tertentu.

(2) Semua pengguna data yang tergolong dalam suatu golongan pengguna data hendaklah mematuhi tataamalan berdaftar yang berkaitan yang terpakai bagi golongan pengguna data itu pada sesuatu masa tertentu.

(3) Jika suatu tataamalan didaftarkan oleh Pesuruhjaya di bawah seksyen 23 atau 24, Pesuruhjaya hendaklah memberitahu, mengikut apa-apa cara yang ditentukan olehnya, golongan pengguna data yang berkaitan yang baginya tataamalan itu terpakai—

(*a*) mengenai identiti tataamalan yang berkenaan dan tarikh yang tataamalan itu akan mula berkuat kuasa; dan

(*b*) mengenai kehendak khusus di bawah Akta ini yang baginya tataamalan itu dikeluarkan dan didaftarkan.

(4) Jika terdapat apa-apa ketidakpastian atau ketaksaan tentang yang mana satu tataamalan yang terpakai bagi pengguna data atau golongan pengguna data tertentu, pengguna data itu atau orang yang berkenaan itu boleh memohon kepada Pesuruhjaya untuk mendapatkan pandangannya tentang tataamalan yang mana satu yang merupakan tataamalan yang terpakai berhubungan dengan hal keadaan pengguna data atau orang itu.

(5) Pesuruhjaya hendaklah memberikan pandangannya dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh penerimaan permohonan yang dibuat di bawah subseksyen (4).

(6) Pesuruhjaya hendaklah, apabila memberikan pandangannya di bawah subseksyen (5), mengambil kira mana-mana pandangan terdahulu yang berkaitan, jika ada.

(7) Pesuruhjaya boleh menarik balik suatu pandangan yang dibuat di bawah seksyen ini jika Pesuruhjaya berpuas hati bahawa sifat aktiviti yang dalamnya pengguna data itu terlibat telah berubah secara material.

**Pembatalan, dsb., tataamalan**

**26.** (1) Pesuruhjaya boleh membatalkan, meminda atau menyemak, sama ada keseluruhannya atau sebahagiannya, mana-mana tataamalan yang didaftarkan di bawah Akta ini—

(*a*) atas kehendaknya sendiri; atau

(*b*) atas suatu permohonan oleh forum pengguna data atau mana-mana badan yang mewakili pengguna data.

(2) Pesuruhjaya hendaklah, sebelum membatalkan, meminda atau menyemak suatu tataamalan di bawah subseksyen (1), berunding dengan—

(*a*) mana-mana pengguna data atau badan yang mewakili pengguna data yang baginya tataamalan itu hendaklah terpakai, sama ada keseluruhannya atau sebahagiannya; dan

(*b*) mana-mana orang berkepentingan yang lain,

yang difikirkan patut oleh Pesuruhjaya.

(3) Jika mana-mana tataamalan telah dibatalkan, dipinda atau disemak di bawah subseksyen (1), Pesuruhjaya—

(*a*) hendaklah memasukkan butir mengenai pembatalan, pindaan atau penyemakan itu dalam Daftar Tataamalan; dan

(*b*) hendaklah memberitahu forum pengguna data yang berkaitan, golongan pengguna data, pengguna data dan orang awam mengenai pembatalan, pindaan atau penyemakan itu mengikut apa-apa cara yang ditentukan oleh Pesuruhjaya.

(4) Pesuruhjaya hendaklah menjadikan tersedia bagi orang awam mana-mana tataamalan yang dipinda atau disemak olehnya di bawah seksyen ini.

**Pengemukaan tataamalan yang baru oleh forum pengguna data**

**27.** (1) Sesuatu forum pengguna data boleh mengemukakan suatu tataamalan yang baharu untuk menggantikan suatu tataamalan yang sedia ada.

(2) Tataamalan yang baharu yang dikemukakan menurut subseksyen (1) hendaklah tertakluk kepada peruntukan Penggal ini.

**Daftar Tataamalan**

**28.** (1) Pesuruhjaya hendaklah menyenggarakan suatu Daftar Tataamalan mengikut seksyen 128.

(2) Daftar Tataamalan itu hendaklah mengandungi—

*(a)* butir mengenai tataamalan yang didaftarkan di bawah seksyen 23 atau 24 dan apa-apa pembatalan, pindaan atau penyemakan kepada tataamalan itu di bawah seksyen 26; dan

*(b)* apa-apa pandangan yang dibuat oleh Pesuruhjaya di bawah seksyen 25, termasuk butir mengenai penarikan balik pandangan yang terdahulu.

**Ketidakpatuhan tataamalan**

**29.** Seseorang pengguna data yang tidak mematuhi mana-mana peruntukan tataamalan yang terpakai bagi pengguna data itu melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Penggal 4

*Hak subjek data*

**Hak untuk mengakses data peribadi**

**30.** (1) Seseorang individu berhak untuk diberitahu oleh seorang pengguna data sama ada data peribadi yang mengenainya individu itu ialah subjek data sedang diproses oleh atau bagi pihak pengguna data itu.

(2) Seseorang peminta boleh, apabila dibayar fi yang ditetapkan, membuat suatu permintaan mengakses data secara bertulis kepada pengguna data—

*(a)* bagi maklumat mengenai data peribadi subjek data yang sedang diproses oleh atau bagi pihak pengguna data itu; dan

*(b)* supaya disampaikan kepadanya suatu salinan data peribadi itu dalam bentuk yang dapat difahami.

(3) Suatu permintaan mengakses data bagi apa-apa maklumat di bawah subseksyen (2) hendaklah dianggap sebagai suatu permintaan tunggal, dan suatu permintaan mengakses data bagi maklumat di bawah perenggan (2)*(a)* hendaklah, sekiranya tidak ada apa-apa arahan yang bertentangan, dianggap diperluas juga kepada permintaan di bawah perenggan (2)*(b)*.

(4) Dalam hal seorang pengguna data yang mempunyai entri yang berasingan berkenaan dengan data peribadi yang dipegang bagi maksud yang berlainan, suatu permintaan mengakses data yang berasingan hendaklah dibuat bagi setiap entri yang berasingan.

(5) Jika seseorang pengguna data tidak memegang data peribadi, tetapi mengawal pemprosesan data peribadi itu dengan apa-apa cara yang melarang pengguna data yang memegang data peribadi itu daripada mematuhi, sama ada keseluruhannya atau sebahagiannya, permintaan mengakses data di bawah subseksyen (2) yang berhubungan dengan data peribadi itu, pengguna data yang mula-mula disebut itu hendaklah disifatkan memegang data peribadi itu dan peruntukan Akta ini hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya.

**Pematuhan permintaan mengakses data**

**31.** (1) Tertakluk kepada subseksyen (2) dan seksyen 32, seseorang pengguna data hendaklah mematuhi permintaan mengakses data di bawah seksyen 30 tidak lewat daripada dua puluh satu hari dari tarikh penerimaan permintaan mengakses data itu.

(2) Seseorang pengguna data yang tidak dapat mematuhi permintaan mengakses data dalam tempoh yang dinyatakan dalam subseksyen (1) hendaklah sebelum habis tempoh itu—

*(a)* melalui notis bertulis memaklumkan peminta itu bahawa dia tidak dapat mematuhi permintaan mengakses data itu dalam tempoh itu dan sebab-sebab dia tidak boleh berbuat demikian; dan

*(b)* mematuhi permintaan mengakses data itu setakat yang dia boleh berbuat demikian.

(3) Walau apa pun subseksyen (2), pengguna data hendaklah mematuhi permintaan mengakses data itu keseluruhannya tidak lewat daripada empat belas hari selepas habis tempoh yang dinyatakan dalam subseksyen (1).

**Hal keadaan yang pengguna data boleh enggan mematuhi permintaan mengakses data**

**32.** (1) Seseorang pengguna data boleh enggan mematuhi permintaan mengakses data di bawah seksyen 30 jika—

*(a)* pengguna data itu tidak diberi apa-apa maklumat yang dikehendaki dengan munasabah olehnya—

(i) untuk memuaskan hatinya tentang identiti peminta itu; atau

(ii) jika peminta itu menuntut bahawa dia ialah seorang yang berkaitan, untuk memuaskan hatinya—

(A) tentang identiti subjek data yang berhubungan dengannya peminta itu menuntut bahawa dia ialah orang yang berkaitan; dan

(B) bahawa peminta itu ialah orang yang berkaitan berhubungan dengan subjek data itu;

*(b)* pengguna data itu tidak diberi apa-apa maklumat sebagaimana yang dikehendaki dengan munasabah olehnya untuk mengesan data peribadi yang dengannya permintaan mengakses data itu adalah berhubungan;

*(c)* beban atau perbelanjaan untuk memberikan akses tidak setimpal dengan risiko kepada privasi subjek data itu berhubungan dengan data peribadi dalam hal yang berkenaan;

*(d)* pengguna data tidak dapat mematuhi permintaan mengakses data tanpa menzahirkan data peribadi yang berhubungan dengan individu lain yang dapat dikenal pasti daripada maklumat itu, melainkan jika—

(i) individu lain itu telah memberikan persetujuan terhadap penzahiran maklumat itu kepada peminta; atau

(ii) adalah munasabah dalam segala hal keadaan itu untuk mematuhi permintaan mengakses data itu tanpa persetujuan individu lain itu;

*(e)* tertakluk kepada subseksyen (3), mana-mana pengguna data lain mengawal pemprosesan data peribadi yang dengannya permintaan mengakses data itu adalah berhubungan dengan apa-apa cara yang melarang pengguna data yang mula-mula disebut itu daripada mematuhi, sama ada keseluruhannya atau sebahagiannya, dengan permintaan mengakses data itu;

*(f)* memberikan akses akan menjadi pelanggaran suatu perintah mahkamah;

*(g)* memberikan akses akan menzahirkan maklumat komersial yang sulit; atau

*(h)* apa-apa akses kepada data peribadi itu dikawal selia oleh undang-undang lain.

(2) Dalam menentukan bagi maksud subperenggan (1)*(d)*(ii), sama ada munasabah dalam segala hal keadaan itu untuk mematuhi permintaan mengakses data tanpa persetujuan individu lain itu, perhatian hendaklah diberikan, secara khususnya, kepada—

*(a)* apa-apa kewajipan kerahsiaan kepada individu lain itu;

*(b)* apa-apa langkah yang diambil oleh pengguna data dengan tujuan untuk mendapatkan persetujuan individu lain itu;

*(c)* sama ada individu lain itu berupaya memberikan persetujuan; dan

*(d)* apa-apa keengganan nyata untuk memberikan persetujuan oleh individu lain itu.

(3) Perenggan (1)*(e)* tidak boleh berkuat kuasa sehingga membenarkan pengguna data untuk tidak mematuhi permintaan mengakses data di bawah subseksyen 30(2) ke apa-apa takat yang pengguna data itu dapat mematuhi permintaan mengakses data tanpa melanggar larangan yang berkenaan.

**Pemberitahuan mengenai keengganan mematuhi permintaan mengakses data**

**33.** Jika seseorang pengguna data yang menurut seksyen 32 enggan mematuhi permintaan mengakses data di bawah seksyen 30, dia hendaklah, tidak lewat daripada dua puluh satu hari dari tarikh penerimaan permintaan mengakses data itu, melalui notis bertulis, memaklumkan peminta itu—

*(a)* mengenai keengganan itu dan sebab-sebab bagi keengganan itu; dan

*(b)* jika perenggan 32(1)*(e)* terpakai, mengenai nama dan alamat pengguna data lain yang berkenaan.

**Hak untuk membetulkan data peribadi**

**34.** (1) Jika—

*(a)* suatu salinan data peribadi telah diberikan oleh pengguna data pada mematuhi permintaan mengakses data di bawah seksyen 30 dan peminta menganggap bahawa data peribadi itu tidak tepat, tidak lengkap, mengelirukan atau tidak terkini; atau

*(b)* subjek data itu mengetahui bahawa data peribadinya yang dipegang oleh pengguna data itu adalah tidak tepat, tidak lengkap, mengelirukan atau tidak terkini,

peminta atau subjek data itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh membuat suatu permintaan pembetulan data secara bertulis kepada pengguna data supaya pengguna data itu membuat pembetulan yang perlu kepada data peribadi itu.

(2) Jika seorang pengguna data tidak memegang data peribadi itu, tetapi mengawal pemprosesan data peribadi itu dalam apa-apa cara yang melarang pengguna data yang memegang data peribadi itu daripada mematuhi, sama ada keseluruhannya atau sebahagiannya, permintaan pembetulan data di bawah subseksyen (1) yang berhubungan dengan data peribadi itu, pengguna data yang mula-mula disebut itu hendaklah disifatkan pengguna data yang kepadanya permintaan sedemikian boleh dibuat dan peruntukan Akta ini hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya.

**Pematuhan permintaan pembetulan data**

**35.** (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), (3) dan (5) dan seksyen 36, jika seseorang pengguna data berpuas hati bahawa data peribadi yang dengannya suatu permintaan pembetulan data adalah berhubungan adalah tidak tepat, tidak lengkap, mengelirukan atau tidak terkini, dia hendaklah, tidak lewat daripada dua puluh satu hari dari tarikh penerimaan permintaan pembetulan data itu—

(*a*) membuat pembetulan yang perlu kepada data peribadi itu;

(*b*) memberi peminta suatu salinan data peribadi yang telah dibetulkan; dan

(*c*) tertakluk kepada subseksyen (4), jika—

(i) data peribadi itu telah dizahirkan kepada suatu pihak ketiga dalam masa dua belas bulan sebaik sebelum hari yang pembetulan itu dibuat; dan

(ii) pengguna data itu tidak mempunyai apa-apa sebab untuk mempercayai bahawa pihak ketiga itu telah berhenti menggunakan data peribadi bagi maksud, termasuklah apa-apa maksud yang berkaitan secara langsung, yang baginya data peribadi itu telah dizahirkan kepada pihak ketiga itu,

mengambil segala langkah praktikal untuk memberi pihak ketiga suatu salinan data peribadi yang telah dibetulkan sedemikian berserta dengan suatu notis bertulis yang menyatakan sebab-sebab bagi pembetulan itu.

(2) Seseorang pengguna data yang tidak dapat mematuhi permintaan pembetulan data dalam tempoh yang dinyatakan dalam subseksyen (1) hendaklah sebelum habis tempoh itu—

(*a*) melalui notis bertulis memaklumkan peminta bahawa dia tidak dapat mematuhi permintaan pembetulan data dalam tempoh itu dan sebab-sebab kenapa dia tidak dapat berbuat demikian; dan

(*b*) mematuhi permintaan pembetulan data itu ke apa-apa takat yang dapat dibuat olehnya.

(3) Walau apa pun subseksyen (2), pengguna data hendaklah mematuhi keseluruhan permintaan pembetulan data itu tidak lewat daripada empat belas hari selepas habis tempoh yang dinyatakan dalam subseksyen (1).

(4) Seseorang pengguna data tidak dikehendaki untuk mematuhi perenggan (1)*(c)* dalam apa-apa hal jika penzahiran data peribadi kepada pihak ketiga terdiri daripada pemeriksaan sendiri daftar oleh pihak ketiga itu—

*(a)* yang dalamnya data peribadi itu dimasukkan atau selainnya direkodkan; dan

*(b)* yang tersedia untuk pemeriksaan oleh orang awam.

(5) Jika seseorang pengguna data diminta untuk membetulkan data peribadi di bawah subseksyen 34(1) dan data peribadi itu sedang diproses oleh pengguna data lain yang berada dalam kedudukan yang lebih baik untuk memberikan maklum balas kepada permintaan pembetulan data itu—

*(a)* pengguna data yang mula-mula disebut itu hendaklah dengan serta-merta memindahkan permintaan pembetulan data itu kepada pengguna data itu, dan memberitahu peminta itu mengenai fakta ini; dan

*(b)* seksyen 34, 35, 36 dan 37 hendaklah terpakai seolah-olah sebutan dalamnya kepada seorang pengguna data ialah sebutan kepada pengguna data lain itu.

**Hal keadaan yang pengguna data boleh enggan mematuhi permintaan pembetulan data**

**36.** (1) Seseorang pengguna data boleh enggan untuk mematuhi permintaan pembetulan data di bawah seksyen 34 jika—

*(a)* pengguna data itu tidak diberi apa-apa maklumat yang dikehendaki dengan munasabah olehnya—

(i) untuk memuaskan hatinya tentang identiti peminta itu; atau

(ii) jika peminta itu menuntut bahawa dia ialah seorang yang berkaitan, untuk memuaskan hatinya—

(A) tentang identiti subjek data yang berhubungan dengannya peminta itu menuntut bahawa dia ialah seorang yang berkaitan itu; dan

(B) bahawa peminta itu ialah orang yang berkaitan berhubungan dengan subjek data itu;

*(b)* pengguna data itu tidak diberi apa-apa maklumat yang dikehendaki dengan munasabah olehnya untuk menentukan bagaimana data peribadi yang dengannya permintaan pembetulan data itu adalah berhubungan adalah tidak tepat, tidak lengkap, mengelirukan atau tidak terkini;

*(c)* pengguna data itu tidak berpuas hati bahawa data peribadi yang dengannya permintaan pembetulan data itu adalah berhubungan adalah tidak tepat, tidak lengkap, mengelirukan atau tidak terkini;

*(d)* pengguna data itu tidak berpuas hati bahawa pembetulan yang menjadi subjek permintaan pembetulan data itu adalah tepat, lengkap, tidak mengelirukan atau terkini; atau

*(e)* tertakluk kepada subseksyen (2), mana-mana pengguna data lain mengawal pemprosesan data peribadi yang dengannya permintaan pembetulan data itu adalah berhubungan dengan apa-apa cara yang melarang pengguna data yang mula-mula disebut itu daripada

mematuhi, sama ada keseluruhannya atau sebahagiannya, permintaan pembetulan data itu.

(2) Perenggan (1)*(e)* tidak boleh berkuat kuasa sehingga membenarkan pengguna data untuk tidak mematuhi subseksyen 35(1) berhubungan dengan permintaan pembetulan data itu ke apa-apa takat yang pengguna data itu dapat mematuhi subseksyen itu tanpa melanggar larangan yang berkenaan.

**Pemberitahuan mengenai keengganan untuk mematuhi permintaan pembetulan data**

**37.** (1) Jika seseorang pengguna data yang menurut seksyen 36 enggan untuk mematuhi permintaan pembetulan data di bawah seksyen 34, dia hendaklah, tidak lewat daripada dua puluh satu hari dari tarikh penerimaan permintaan pembetulan data itu, melalui notis bertulis, memaklumkan peminta itu—

*(a)* mengenai keengganan itu dan sebab-sebab bagi keengganan itu; dan

*(b)* jika perenggan 36(1)*(e)* terpakai, mengenai nama dan alamat pengguna data lain yang berkenaan.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), jika data peribadi yang dengannya permintaan pembetulan data itu adalah berhubungan merupakan suatu penyataan pendapat dan pengguna data itu tidak berpuas hati bahawa penyataan pendapat itu tidak tepat, tidak lengkap, mengelirukan atau tidak terkini, pengguna data itu hendaklah—

*(a)* membuat suatu catatan, sama ada dilampirkan pada data peribadi itu atau di tempat lain—

(i) mengenai perkara yang berkenaan dengannya penyataan pendapat itu dianggap oleh peminta sebagai tidak tepat, tidak lengkap, mengelirukan atau tidak terkini; dan

(ii) dalam apa-apa cara supaya data peribadi itu tidak dapat digunakan oleh mana-mana orang tanpa catatan itu dibawa kepada perhatian dan tersedia untuk pemeriksaan oleh orang itu; dan

*(b)* melampirkan suatu salinan catatan itu pada notis yang disebut dalam subseksyen (1) yang berhubungan dengan permintaan pembetulan data itu.

(3) Dalam seksyen ini, "penyataan pendapat" termasuk suatu kenyataan fakta yang tidak dapat ditentusahkan atau dalam segala hal keadaan mengenai hal itu penentusahannya tidak dapat dilaksanakan.

(4) Seseorang pengguna data yang melanggar subseksyen (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

**Penarikan balik persetujuan untuk memproses data peribadi**

**38.** (1) Seseorang subjek data boleh melalui notis bertulis menarik balik persetujuannya terhadap pemprosesan data peribadi yang berkenaan dengannya dia merupakan subjek data.

(2) Pengguna data itu hendaklah, apabila diterima notis di bawah subseksyen (1), berhenti memproses data peribadi itu.

(3) Kegagalan subjek data untuk menjalankan hak yang diberikan oleh subseksyen (1) tidak menjejaskan mana-mana hak lain yang diberikan kepadanya oleh Bahagian ini.

(4) Seseorang pengguna data yang melanggar subseksyen (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

**Takat penzahiran data peribadi**

**39.** Walau apa pun seksyen 8, data peribadi seseorang subjek data boleh dizahirkan oleh seorang pengguna data bagi apa-apa maksud selain maksud yang baginya data peribadi itu sepatutnya dizahirkan pada masa pengumpulannya atau apa-apa maksud lain yang berkaitan secara langsung dengan maksud itu, hanya di bawah hal keadaan yang berikut:

*(a)* subjek data itu telah memberikan persetujuannya bagi penzahiran itu;

*(b)* penzahiran itu—

(i) perlu bagi maksud mencegah atau mengesan suatu jenayah, atau bagi maksud penyiasatan; atau

(ii) dikehendaki atau dibenarkan oleh atau di bawah mana-mana undang-undang atau oleh perintah suatu mahkamah;

*(c)* pengguna data bertindak atas kepercayaan yang munasabah bahawa dia ada hak di sisi undang-undang untuk menzahirkan data peribadi itu kepada orang lain itu;

*(d)* pengguna data bertindak atas kepercayaan yang munasabah bahawa dia akan mendapat persetujuan subjek data jika subjek data itu mengetahui tentang penzahiran data peribadi itu dan hal keadaan mengenai penzahiran itu; atau

*(e)* penzahiran itu berjustifikasi oleh sebab ia berkepentingan awam dalam hal keadaan yang ditentukan oleh Menteri.

**Pemprosesan data peribadi sensitif**

**40.** (1) Tertakluk kepada subseksyen (2) dan seksyen 5, seseorang pengguna data tidak boleh memproses apa-apa data peribadi sensitif seorang subjek data kecuali mengikut syarat yang berikut:

*(a)* subjek data telah memberikan persetujuannya secara nyata bagi pemprosesan data peribadi itu;

*(b)* pemprosesan itu perlu—

(i) bagi maksud menjalankan atau melaksanakan apa-apa hak atau obligasi yang diberikan atau dikenakan oleh undang-undang terhadap pengguna data yang berkaitan dengan pengambilan kerja;

(ii) untuk melindungi kepentingan vital subjek data atau orang lain, dalam hal jika—

(A) persetujuan tidak dapat diberikan oleh atau bagi pihak subjek data itu; atau

(B) pengguna data tidak boleh semunasabahnya dijangka untuk mendapat persetujuan subjek data itu;

(iii) untuk melindungi kepentingan vital orang lain, dalam hal jika persetujuan oleh atau bagi pihak subjek data telah tidak diberikan dengan semunasabahnya;

(iv) bagi maksud perubatan dan dilakukan oleh—

(A) seorang profesional jagaan kesihatan; atau

(B) seseorang yang dalam hal keadaan itu mempunyai kewajipan kerahsiaan yang

bersamaan dengan kewajipan kerahsiaan yang akan berbangkit jika orang itu merupakan seorang profesional jagaan kesihatan;

(v) bagi maksud, atau yang berkaitan dengan, apa-apa prosiding undang-undang;

(vi) bagi maksud mendapatkan nasihat undang-undang;

(vii) bagi maksud membuktikan, menjalankan atau mempertahankan hak di sisi undang-undang;

(viii) bagi pentadbiran keadilan;

(ix) bagi menjalankan apa-apa fungsi yang diberikan kepada mana-mana orang oleh atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis; atau

(x) bagi apa-apa maksud lain yang difikirkan patut oleh Menteri; atau

*(c)* maklumat yang terkandung dalam data peribadi itu telah diumumkan kepada orang awam akibat langkah yang diambil dengan sengaja oleh subjek data.

(2) Menteri boleh melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta* mengecualikan pemakaian subperenggan (1)*(b)*(i), (viii) atau (ix) dalam mana-mana hal yang dinyatakan dalam perintah itu, atau memperuntukkan bahawa, dalam mana-mana hal yang dinyatakan dalam perintah itu, syarat dalam subperenggan (1)*(b)*(i), (viii) atau (ix) tidak boleh dianggap sebagai dipenuhi melainkan jika apa-apa syarat tambahan sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu juga dipenuhi.

(3) Seseorang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

(4) Bagi maksud seksyen ini—

“maksud perubatan” termasuk maksud perubatan pencegahan, diagnosis perubatan, penyelidikan perubatan, pemulihan dan penyediaan jagaan dan rawatan dan pengurusan perkhidmatan jagaan kesihatan;

“perkhidmatan jagaan kesihatan” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [*Akta 586*];

“profesional jagaan kesihatan” ertinya pengamal perubatan, pengamal pergigian, ahli farmasi, ahli psikologi klinikal, jururawat, bidan, pembantu perubatan, ahli fisioterapi, ahli terapi pekerjaan dan profesional jagaan kesihatan berkaitan yang lain dan mana-mana orang lain yang terlibat dalam memberikan perkhidmatan perubatan, kesihatan, pergigian, farmaseutikal dan apa-apa perkhidmatan jagaan kesihatan lain yang di bawah bidang kuasa Kementerian Kesihatan.

**Pengumpulan data peribadi secara berulang dalam hal keadaan yang sama**

**41.** (1) Jika seseorang pengguna data—

*(a)* telah mematuhi peruntukan Prinsip Notis dan Pilihan di bawah seksyen 7 berkenaan dengan pengumpulan data peribadi daripada subjek data, disebut “pengumpulan yang pertama”; dan

*(b)* pada bila-bila masa kemudiannya mengumpulkan sekali lagi data peribadi daripada subjek data itu, disebut “pengumpulan yang berikutnya”,

pengguna data itu tidak dikehendaki untuk mematuhi peruntukan Prinsip Notis dan Pilihan berkenaan dengan pengumpulan yang berikutnya jika—

(A) untuk mematuhi peruntukan itu berkenaan dengan pengumpulan yang berikutnya akan menyebabkan pengulangan, dalam hal keadaan yang sama, apa yang telah dilakukan untuk mematuhi prinsip itu berkenaan dengan pengumpulan yang pertama; dan

(B) tidak lebih daripada dua belas bulan telah berlalu antara pengumpulan yang pertama dengan pengumpulan yang berikutnya.

(2) Bagi mengelakkan keraguan, dengan ini diisytiharkan bahawa subseksyen (1) tidak boleh berkuat kuasa untuk menghalang pengumpulan yang berikutnya menjadi pengumpulan yang pertama jika pengguna data yang berkenaan telah mematuhi peruntukan Prinsip Notis dan Pilihan berkenaan dengan pengumpulan yang berikutnya.

**Hak untuk menghalang pemprosesan yang mungkin menyebabkan kerosakan atau distres**

**42.** (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), seorang subjek data boleh, pada bila-bila masa melalui notis bertulis kepada seorang pengguna data, disebut "notis subjek data", menghendaki pengguna data pada penghujung apa-apa tempoh yang munasabah dalam hal keadaan itu, untuk—

*(a)* memberhentikan pemprosesan atau pemprosesan bagi suatu maksud yang tertentu atau mengikut cara yang tertentu; atau

*(b)* tidak memulakan pemprosesan atau pemprosesan bagi suatu maksud yang tertentu atau mengikut cara yang tertentu,

apa-apa data peribadi yang berkenaan dengannya dia merupakan subjek data jika, berdasarkan sebab-sebab yang dinyatakan olehnya—

(A) pemprosesan data peribadi itu atau pemprosesan data peribadi bagi maksud itu atau mengikut cara itu menyebabkan atau mungkin menyebabkan kerosakan yang substansial atau distres yang substansial kepadanya atau kepada orang lain; dan

(B) kerosakan atau distres itu adalah atau akan menjadi tidak wajar.

(2) Subseksyen (1) tidak terpakai jika—

*(a)* subjek data itu telah memberikan persetujuannya;

*(b)* pemprosesan data peribadi itu perlu—

(i) bagi melaksanakan suatu kontrak yang mengenainya subjek data itu merupakan suatu pihak;

(ii) bagi mengambil langkah, atas permintaan subjek data, dengan tujuan untuk membuat suatu kontrak;

(iii) bagi mematuhi apa-apa obligasi undang-undang yang mengenainya pengguna data itu merupakan subjek, selain suatu obligasi yang dikenakan oleh kontrak; atau

(iv) untuk melindungi kepentingan vital subjek data itu; atau

*(c)* dalam apa-apa hal lain yang ditetapkan oleh Menteri melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*.

(3) Pengguna data hendaklah, dalam tempoh dua puluh satu hari dari tarikh penerimaan notis subjek data di bawah subseksyen (1), memberi subjek data suatu notis bertulis—

*(a)* yang menyatakan bahawa dia telah mematuhi atau berhasrat untuk mematuhi notis subjek data itu; atau

*(b)* yang menyatakan sebab-sebab dia menganggap notis subjek data itu sebagai tidak berjustifikasi, atau ke apa-apa takat tidak berjustifikasi, dan takat, jika ada, yang dia telah mematuhi atau berhasrat untuk mematuhinya.

(4) Jika subjek data itu tidak berpuas hati oleh sebab pengguna data tidak mematuhi notis subjek data, sama ada keseluruhannya atau sebahagiannya, di bawah perenggan (3)*(b)*, subjek data itu boleh mengemukakan suatu permohonan kepada Pesuruhjaya untuk menghendaki pengguna data itu mematuhi notis subjek data itu.

(5) Jika Pesuruhjaya berpuas hati bahawa permohonan subjek data di bawah subseksyen (4) itu berjustifikasi atau berjustifikasi ke apa-apa takat, Pesuruhjaya boleh menghendaki pengguna data itu supaya mengambil apa-apa langkah bagi mematuhi notis subjek data itu.

(6) Seseorang pengguna data yang tidak mematuhi kehendak Pesuruhjaya di bawah subseksyen (5) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

**Hak untuk menghalang pemprosesan bagi maksud pemasaran langsung**

**43.** (1) Seseorang subjek data boleh, pada bila-bila masa melalui notis bertulis kepada pengguna data, menghendaki pengguna data itu pada penghujung apa-apa tempoh yang munasabah dalam hal keadaan itu untuk memberhentikan atau tidak memulakan pemprosesan data peribadinya bagi maksud pemasaran langsung.

(2) Jika subjek data itu tidak berpuas hati oleh sebab pengguna data tidak mematuhi notis itu, sama ada keseluruhannya atau sebahagiannya, di bawah subseksyen (1), subjek data itu boleh

mengemukakan suatu permohonan kepada Pesuruhjaya untuk menghendaki pengguna data itu mematuhi notis itu.

(3) Jika Pesuruhjaya berpuas hati bahawa permohonan subjek data di bawah subseksyen (2) itu berjustifikasi atau berjustifikasi ke apa-apa takat, Pesuruhjaya boleh menghendaki pengguna data itu supaya mengambil apa-apa langkah bagi mematuhi notis itu.

(4) Seseorang pengguna data yang tidak mematuhi kehendak Pesuruhjaya di bawah subseksyen (3) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

(5) Bagi maksud seksyen ini, "pemasaran langsung" ertinya berkomunikasi dengan apa cara sekali pun mengenai apa-apa bahan pengiklanan atau pemasaran yang ditujukan kepada individu tertentu.

### Rekod disimpan oleh pengguna data

**44.** (1) Seseorang pengguna data hendaklah menyimpan dan menyenggarakan suatu rekod mengenai apa-apa permohonan, notis, permintaan atau apa-apa maklumat lain yang berhubungan dengan data peribadi yang telah atau sedang diproses olehnya.

(2) Pesuruhjaya boleh menentukan cara dan bentuk yang mengikutnya rekod itu hendaklah disenggarakan.

## BAHAGIAN III

## PENGECUALIAN

### Pengecualian

**45.** (1) Data peribadi yang diproses oleh seseorang individu hanya bagi maksud hal ehwal peribadi, keluarga atau rumah tangga

individu itu, termasuk bagi maksud rekreasi, hendaklah dikecualikan daripada peruntukan Akta ini.

(2) Tertakluk kepada seksyen 46, data peribadi—

*(a)* yang diproses bagi—

(i) pencegahan atau pengesanan jenayah atau bagi maksud penyiasatan;

(ii) penangkapan atau pendakwaan pesalah; atau

(iii) pentaksiran atau pemungutan apa-apa cukai atau duti atau apa-apa pengenaan lain yang serupa jenisnya,

hendaklah dikecualikan daripada Prinsip Am, Prinsip Notis dan Pilihan, Prinsip Penzahiran dan Prinsip Akses dan peruntukan lain Akta ini yang berkaitan;

*(b)* yang diproses berhubung dengan maklumat mengenai kesihatan fizikal atau mental seorang subjek data hendaklah dikecualikan daripada Prinsip Akses dan peruntukan lain Akta ini yang berkaitan yang pemakaian peruntukan itu kepada subjek data mungkin akan menyebabkan kemudaratan yang teruk kepada kesihatan fizikal atau mental subjek data itu atau mana-mana individu lain;

*(c)* yang diproses bagi menyediakan statistik atau menjalankan penyelidikan hendaklah dikecualikan daripada Prinsip Am, Prinsip Notis dan Pilihan, Prinsip Penzahiran dan Prinsip Akses dan peruntukan lain Akta ini yang berkaitan, dengan syarat bahawa data peribadi itu tidak diproses bagi apa-apa maksud lain dan bahawa statistik yang terhasil atau dapatan penyelidikan itu tidak dijadikan tersedia dalam suatu bentuk yang mengenal pasti subjek data itu;

*(d)* yang perlu bagi maksud atau yang berkaitan dengan apa-apa perintah atau penghakiman suatu mahkamah hendaklah dikecualikan daripada Prinsip Am, Prinsip Notis dan Pilihan, Prinsip Penzahiran dan Prinsip Akses dan peruntukan lain Akta ini yang berkaitan;

*(e)* yang diproses bagi maksud menunaikan fungsi pengawalseliaan hendaklah dikecualikan daripada Prinsip Am, Prinsip Notis dan Pilihan, Prinsip Penzahiran dan Prinsip Akses dan peruntukan lain Akta ini yang berkaitan jika pemakaian peruntukan itu kepada data peribadi mungkin akan menjejaskan penunaian fungsi itu dengan sepatutnya; atau

*(f)* yang diproses hanya bagi maksud kewartawanan, kesusasteraan atau kesenian hendaklah dikecualikan daripada Prinsip Am, Prinsip Notis dan Pilihan, Prinsip Penzahiran, Prinsip Penyimpanan, Prinsip Integriti Data dan Prinsip Akses dan peruntukan lain Akta ini yang berkaitan, dengan syarat bahawa—

(i) pemprosesan itu dijalankan dengan tujuan penyiaran bahan kewartawanan, kesusasteraan atau kesenian itu oleh mana-mana orang;

(ii) pengguna data mempercayai dengan semunasabahnya bahawa, dengan mengambil kira betapa mustahaknya kepentingan awam dalam kebebasan bersuara, penyiaran itu berkepentingan awam; dan

(iii) pengguna data mempercayai dengan semunasabahnya bahawa dalam segala hal keadaan itu, pematuhan peruntukan yang berkenaan dengannya pengecualian dituntut adalah tidak bersesuaian dengan maksud kewartawanan, kesusasteraan atau kesenian itu.

**Kuasa untuk membuat pengecualian tambahan**

**46.** (1) Menteri boleh, atas syor Pesuruhjaya, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta* mengecualikan—

*(a)* pemakaian mana-mana Prinsip Perlindungan Data Peribadi di bawah Akta ini bagi mana-mana pengguna data atau golongan pengguna data; atau

*(b)* mana-mana pengguna data atau golongan pengguna data daripada semua atau mana-mana peruntukan Akta ini.

(2) Menteri boleh mengenakan apa-apa terma atau syarat yang difikirkannya patut berkenaan dengan mana-mana pengecualian yang dibuat di bawah subseksyen (1).

(3) Menteri boleh pada bila-bila masa, atas syor Pesuruhjaya, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, membatalkan mana-mana perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1).

## BAHAGIAN IV

### PELANTIKAN, FUNGSI DAN KUASA PESURUHJAYA

**Pelantikan Pesuruhjaya**

**47.** (1) Menteri hendaklah melantik mana-mana orang sebagai "Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi" bagi maksud menjalankan fungsi dan kuasa yang diberikan kepada Pesuruhjaya di bawah Akta ini atas apa-apa terma dan syarat yang difikirkannya wajar.

(2) Pelantikan Pesuruhjaya hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

(3) Pesuruhjaya yang dilantik di bawah subseksyen (1) ialah suatu pertubuhan perbadanan yang kekal turun-temurun dan mempunyai suatu meterai perbadanan.

(4) Pesuruhjaya boleh membawa guaman dan dibawa guaman terhadapnya atas nama perbadanannya.

**Fungsi Pesuruhjaya**

**48.** Pesuruhjaya hendaklah mempunyai fungsi yang berikut:

*(a)* menasihati Menteri mengenai dasar kebangsaan bagi perlindungan data peribadi dan segala perkara lain yang berkaitan;

*(b)* melaksanakan dan menguatkuasakan undang-undang perlindungan data peribadi, termasuklah perumusan dasar dan tatacara operasi;

*(c)* memajukan dan menggalakkan persatuan atau badan yang mewakili pengguna data untuk menyediakan tataamalan dan menyebarkan tataamalan itu kepada anggotanya bagi maksud Akta ini;

*(d)* bekerjasama dengan pertubuhan perbadanan atau agensi kerajaan bagi maksud melaksanakan fungsinya;

*(e)* menentukan menurut seksyen 129 sama ada mana-mana tempat di luar Malaysia mempunyai suatu sistem bagi perlindungan data peribadi yang sebahagian besarnya seumpama dengan yang diperuntukkan di bawah Akta ini atau yang dapat digunakan bagi maksud yang serupa seperti Akta ini;

*(f)* menjalankan atau menyebabkan dijalankan penyelidikan terhadap dan mengawasi pembangunan dalam pemprosesan data peribadi, termasuk teknologi, untuk mengambil kira kemungkinan apa-apa kesan pembangunan itu terhadap privasi individu berhubung dengan data peribadinya;

*(g)* memantau dan menyelia pematuhan peruntukan Akta ini, termasuk pengeluaran pekeliling, notis penguatkuasaan atau apa-apa surat cara lain kepada mana-mana orang;

*(h)* menggalakkan kesedaran dan penyebaran maklumat kepada orang awam mengenai kuat kuasa Akta ini;

*(i)* berhubung dan bekerjasama dengan orang yang melaksanakan fungsi perlindungan data peribadi yang seumpama di mana-mana tempat di luar Malaysia berkenaan dengan perkara yang berkepentingan bersama, termasuk perkara yang melibatkan privasi individu berhubung dengan data peribadinya;

*(j)* mewakili Malaysia melalui penyertaan dalam acara yang berhubungan dengan perlindungan data peribadi sebagaimana yang dibenarkan oleh Menteri, sama ada di dalam atau di luar Malaysia; dan

*(k)* menjalankan apa-apa aktiviti dan melakukan apa-apa perkara yang perlu, memberi kebaikan dan patut bagi pentadbiran Akta ini, atau apa-apa maksud lain yang selaras dengan Akta ini sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri.

**Kuasa Pesuruhjaya**

**49.** (1) Pesuruhjaya hendaklah mempunyai segala kuasa untuk melakukan semua perkara yang perlu atau suai manfaat bagi atau berkaitan dengan pelaksanaan fungsinya di bawah Akta ini.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), kuasa Pesuruhjaya hendaklah termasuk kuasa—

*(a)* untuk mengutip apa-apa fi yang ditetapkan oleh Menteri;

*(b)* untuk melantik mana-mana ejen, pakar, perunding atau mana-mana orang lain yang difikirkannya patut untuk membantunya dalam pelaksanaan fungsinya;

*(c)* untuk merumuskan pembangunan sumber manusia dan program kerjasama bagi pelaksanaan fungsinya dengan patut dan berkesan;

*(d)* untuk membuat kontrak;

*(e)* untuk memperoleh, membeli, mengambil, memegang dan menikmati apa-apa jenis harta alih atau tak alih bagi pelaksanaan fungsinya, dan untuk memindahhakkan, menyerahhakkan, menyerahkan balik, memulangkan, menggadaikan, menggadaijanjikan, mendemiskan, memindahkan hakmilik atau selainnya melupuskan, atau membuat apa-apa urusan mengenai harta itu atau apa-apa kepentingan mengenainya yang terletak hak padanya;

*(f)* untuk melaksanakan apa-apa fungsi lain yang ditugaskan oleh Menteri dari semasa ke semasa; dan

*(g)* untuk melakukan semua perkara yang bersampingan dengan atau berbangkit daripada pelaksanaan fungsinya.

**Pelantikan Timbalan Pesuruhjaya dan Penolong Pesuruhjaya**

**50.** (1) Pesuruhjaya boleh, dengan kelulusan Menteri, dari semasa ke semasa, melantik apa-apa bilangan pegawai awam sebagai Timbalan Pesuruhjaya dan apa-apa bilangan orang sebagai Penolong Pesuruhjaya sebagaimana yang perlu untuk membantu Pesuruhjaya dalam melaksanakan fungsinya dan menjalankan kuasanya di bawah Akta ini.

(2) Timbalan Pesuruhjaya dan Penolong Pesuruhjaya yang dilantik di bawah subseksyen (1) hendaklah memegang jawatan bagi apa-apa tempoh, menerima apa-apa saraan, elaun atau faedah, dan

hendaklah tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat perkhidmatan sebagaimana yang ditentukan oleh Pesuruhjaya, dengan kelulusan Menteri.

(3) Timbalan Pesuruhjaya dan Penolong Pesuruhjaya yang dilantik di bawah subseksyen (1) hendaklah tertakluk kepada penyeliaan, arahan dan kawalan Pesuruhjaya.

**Pelantikan pegawai lain dan pekhidmat**

**51.** Pesuruhjaya boleh mengambil kerja atas apa-apa terma dan syarat yang difikirkannya wajar mana-mana pegawai dan pekhidmat yang perlu untuk membantu Pesuruhjaya dalam melaksanakan fungsinya dan menjalankan kuasanya di bawah Akta ini.

**Pinjaman dan wang pendahuluan kepada pegawai dan pekhidmat**

**52.** Pesuruhjaya boleh memberikan pinjaman dan pendahuluan kepada pegawai dan pekhidmat di bawah seksyen 51 bagi apa-apa maksud dan atas apa-apa terma dan syarat yang ditentukan oleh Pesuruhjaya.

**Tempoh jawatan**

**53.** Tertakluk kepada apa-apa syarat yang dinyatakan dalam surat cara pelantikannya, Pesuruhjaya hendaklah, melainkan jika dia terlebih dahulu meletakkan jawatannya atau mengosongkan jawatannya atau pelantikannya dibatalkan terlebih dahulu, memegang jawatan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun dan layak dilantik semula.

**Pembatalan pelantikan dan peletakan jawatan**

**54.** (1) Menteri boleh pada bila-bila masa membatalkan pelantikan Pesuruhjaya dan hendaklah menyatakan sebab bagi pembatalan itu.

(2) Pesuruhjaya boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya dengan memberikan suatu notis bertulis yang ditujukan kepada Menteri empat belas hari sebelum tarikh peletakan jawatan yang diniatkan itu.

**Penjalanan sementara fungsi dan kuasa Pesuruhjaya**

**55.** (1) Menteri boleh melantik secara sementara seorang Timbalan Pesuruhjaya untuk melaksanakan fungsi dan kuasa Pesuruhjaya selama tempoh apabila—

*(a)* Pesuruhjaya atas sebab sakit, tidak hadir dengan kebenaran atau apa-apa sebab lain tidak boleh melaksanakan fungsinya bagi apa-apa tempoh yang lama; atau

*(b)* jawatan Pesuruhjaya kosong.

(2) Seorang yang dilantik di bawah subseksyen (1) hendaklah, semasa tempoh dia melaksanakan fungsi dan menjalankan kuasa Pesuruhjaya di bawah seksyen ini, disifatkan sebagai Pesuruhjaya.

**Pengosongan jawatan**

**56.** Jawatan Pesuruhjaya hendaklah menjadi kosong—

*(a)* jika dia mati;

*(b)* jika telah dibuktikan terhadapnya, atau jika dia telah disabitkan atas, suatu pertuduhan berkenaan dengan—

(i) suatu kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak;

(ii) suatu kesalahan di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan rasuah; atau

(iii) apa-apa kesalahan lain yang boleh dihukum dengan pemenjaraan (sama ada pemenjaraan sahaja atau sebagai tambahan kepada denda atau sebagai ganti denda) selama tempoh yang melebihi dua tahun;

*(c)* jika kelakuannya, sama ada yang berkaitan dengan kewajipannya sebagai Pesuruhjaya atau selainnya, adalah sedemikian rupa sehingga mencemarkan nama baik jawatan Pesuruhjaya;

*(d)* jika dia menjadi bankrap;

*(e)* jika dia tidak sempurna akal atau selainnya tidak berupaya untuk menunaikan kewajipannya;

*(f)* jika pelantikannya dibatalkan oleh Menteri; atau

*(g)* jika peletakan jawatannya diterima oleh Menteri.

**Saraan dan elaun**

**57.** Pesuruhjaya hendaklah dibayar apa-apa saraan dan elaun yang ditentukan oleh Menteri selepas berunding dengan Menteri Kewangan.

**Pewakilan fungsi dan kuasa Pesuruhjaya**

**58.** (1) Pesuruhjaya boleh, tertakluk kepada apa-apa syarat, batasan atau sekatan yang difikirkannya patut dikenakan, mewakilkan mana-mana fungsi atau kuasanya yang dikenakan atau diberikan kepadanya di bawah Akta ini, kecuali kuasa pewakilannya, kepada Timbalan Pesuruhjaya atau Penolong Pesuruhjaya, dan mana-mana

fungsi atau kuasa yang diwakilkan sedemikian boleh dilaksanakan dan dijalankan oleh pegawai itu atas nama dan bagi pihak Pesuruhjaya.

(2) Pewakilan di bawah subseksyen (1) tidak menghalang Pesuruhjaya sendiri daripada melaksanakan atau menjalankan pada bila-bila masa fungsi atau kuasa yang diwakilkan itu.

**Arahan oleh Menteri**

**59.** (1) Pesuruhjaya adalah bertanggungjawab kepada Menteri.

(2) Menteri boleh memberi Pesuruhjaya arahan yang bersifat am yang selaras dengan peruntukan Akta ini berhubungan dengan pelaksanaan fungsi dan kuasa Pesuruhjaya dan Pesuruhjaya hendaklah melaksanakan arahan itu.

**Penyata, laporan, akaun dan maklumat**

**60.** (1) Pesuruhjaya hendaklah memberi Menteri dan mana-mana pihak berkuasa awam sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri, penyata, laporan, akaun dan maklumat berkenaan dengan aktivitinya sebagaimana yang dikehendaki atau diarahkan oleh Menteri.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), Pesuruhjaya hendaklah, dengan secepat yang dapat dilaksanakan selepas berakhirnya setiap tahun kewangan, menyebabkan disediakan dan dihantar kepada Menteri dan jika diarahkan sedemikian oleh Menteri kepada mana-mana pihak berkuasa awam lain, suatu laporan yang memperkatakan aktiviti Pesuruhjaya semasa tahun kewangan yang sebelum itu, dan laporan itu hendaklah mengikut apa-apa bentuk dan hendaklah mengandungi apa-apa maklumat yang berhubungan dengan prosiding dan dasar Pesuruhjaya sebagaimana yang dinyatakan oleh Menteri.

BAHAGIAN V

KUMPULAN WANG PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

**Penubuhan Kumpulan Wang**

**61.** (1) Bagi maksud Akta ini, suatu kumpulan wang yang dikenali sebagai "Kumpulan Wang Perlindungan Data Peribadi" ditubuhkan.

(2) Kumpulan Wang hendaklah dikawal, disenggarakan dan dikendalikan oleh Pesuruhjaya.

(3) Kumpulan Wang hendaklah terdiri daripada—

*(a)* apa-apa jumlah wang yang diperuntukkan oleh Parlimen bagi maksud Akta ini dari semasa ke semasa;

*(b)* fi, kos dan apa-apa caj lain yang dikenakan oleh atau kena dibayar kepada Pesuruhjaya di bawah Akta ini;

*(c)* semua wang yang diperoleh daripada penjualan, pelupusan, pemajakan, penyewaan atau apa-apa urus niaga lain mengenai harta alih atau tak alih yang terletak hak atau diperoleh oleh Pesuruhjaya;

*(d)* semua wang yang dibayar kepada Pesuruhjaya dari semasa ke semasa bagi pinjaman yang diberikan oleh Pesuruhjaya; dan

*(e)* semua jumlah wang atau harta lain yang boleh dalam apa-apa cara menjadi kena dibayar kepada atau terletak hak pada Pesuruhjaya berkenaan dengan apa-apa perkara yang bersampingan dengan fungsi dan kuasanya.

**Perbelanjaan yang hendaklah dipertanggungkan pada Kumpulan Wang**

**62.** Kumpulan Wang boleh dibelanjakan bagi maksud yang berikut:

*(a)* membayar apa-apa perbelanjaan yang dilakukan secara sah oleh Pesuruhjaya;

*(b)* membayar apa-apa belanja yang dilakukan bagi menganjurkan kempen, penyelidikan, kajian dan penyiaran bahan bagi perlindungan data peribadi;

*(c)* membayar saraan, elaun, faedah dan belanja lain bagi Pesuruhjaya, Timbalan Pesuruhjaya, Penolong Pesuruhjaya, anggota Jawatankuasa Penasihat, anggota, pegawai dan pekhidmat Tribunal Rayuan dan pegawai dan pekhidmat Pesuruhjaya, termasuk pemberian pinjaman dan wang pendahuluan, elaun persaraan, faedah persaraan dan ganjaran;

*(d)* membayar apa-apa belanja, perbelanjaan, fi dan kos lain, termasuk fi bagi penggunaan khidmat perunding, dan fi dan kos guaman, yang dilakukan atau diterima dengan sepatutnya, atau disifatkan patut oleh Pesuruhjaya dalam pelaksanaan fungsinya dan penjalanan kuasanya;

*(e)* membeli atau menyewa kelengkapan dan bahan, memperoleh tanah dan apa-apa aset, dan menjalankan apa-apa kerja dan usaha lain dalam pelaksanaan fungsinya dan penjalanan kuasanya; dan

*(f)* secara amnya, membayar apa-apa belanja bagi melaksanakan peruntukan Akta ini.

**Pemeliharaan Kumpulan Wang**

**63.** Menjadi kewajipan Pesuruhjaya untuk memelihara Kumpulan Wang dengan melaksanakan fungsinya dan

menjalankan kuasanya di bawah Akta ini supaya dapat memastikan bahawa jumlah hasil Pesuruhjaya mencukupi untuk membayar semua jumlah wang yang boleh dipertanggungkan dengan sepatutnya pada akaun hasilnya, termasuk susut nilai dan bunga atas modal, dari setahun ke setahun.

**Kumpulan wang rizab**

**64.** Pesuruhjaya hendaklah menubuhkan dan menyenggarakan suatu kumpulan wang rizab dalam Kumpulan Wang.

**Tahun kewangan**

**65.** Tahun kewangan Pesuruhjaya hendaklah bermula pada 1 Januari dan berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

**Batasan untuk berkontrak**

**66.** Pesuruhjaya tidak boleh, tanpa kelulusan Menteri dan persetujuan Menteri Kewangan, membuat apa-apa kontrak yang di bawahnya Pesuruhjaya dikehendaki untuk membayar atau menerima suatu amaun yang melebihi dua juta ringgit.

**Akaun bank**

**67.** Pesuruhjaya hendaklah membuka dan menyenggarakan akaun atau akaun-akaun dengan mana-mana institusi kewangan atau institusi-institusi kewangan di Malaysia yang difikirkan patut oleh Pesuruhjaya, selepas berunding dengan Menteri; dan tiap-tiap akaun itu hendaklah dikendalikan setakat yang dapat dilaksanakan melalui cek yang ditandatangani oleh mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Menteri.

**Akaun dan audit**

**68.** Pesuruhjaya hendaklah menyebabkan supaya akaun yang sepatutnya disimpan dan disenggarakan berkenaan dengan Kumpulan Wang dan dengan mematuhi peruntukan Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [*Akta 240*].

**Perbelanjaan dan penyediaan anggaran**

**69.** (1) Perbelanjaan Pesuruhjaya setakat apa-apa amaun yang dibenarkan oleh Menteri bagi mana-mana satu tahun hendaklah dibayar daripada Kumpulan Wang.

(2) Sebelum 1 Jun setiap tahun, Pesuruhjaya hendaklah mengemukakan suatu anggaran perbelanjaan bagi tahun yang berikutnya kepada Menteri mengikut apa-apa bentuk dan yang mengandungi apa-apa butir yang diarahkan oleh Menteri.

(3) Menteri hendaklah, sebelum 1 Januari tahun yang berikutnya, memberitahu Pesuruhjaya amaun yang dibenarkan bagi perbelanjaan secara amnya atau amaun yang dibenarkan bagi setiap perihalan perbelanjaan berdasarkan anggaran yang disediakan di bawah subseksyen (2).

(4) Pesuruhjaya boleh pada bila-bila masa mengemukakan suatu anggaran perbelanjaan tambahannya bagi mana-mana satu tahun kepada Menteri dan Menteri boleh membenarkan keseluruhan atau mana-mana bahagian perbelanjaan tambahan termasuk dalam anggaran tambahan itu.

## BAHAGIAN VI

## JAWATANKUASA PENASIHAT PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

**Penubuhan Jawatankuasa Penasihat**

**70.** Suatu Jawatankuasa Penasihat Perlindungan Data Peribadi ditubuhkan.

**Fungsi Jawatankuasa Penasihat**

**71.** (1) Fungsi Jawatankuasa Penasihat adalah—

*(a)* untuk menasihati Pesuruhjaya mengenai segala perkara yang berhubungan dengan perlindungan data peribadi, dan pentadbiran dan penguatkuasaan sewajarnya Akta ini; dan

*(b)* untuk menasihati Pesuruhjaya mengenai apa-apa perkara yang dirujukkan olehnya kepada Jawatankuasa Penasihat.

(2) Pesuruhjaya tidak terikat untuk bertindak atas nasihat Jawatankuasa Penasihat.

**Anggota Jawatankuasa Penasihat**

**72.** Jawatankuasa Penasihat hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut yang dilantik oleh Menteri:

*(a)* Pengerusi;

*(b)* tiga anggota daripada sektor awam; dan

*(c)* sekurang-kurangnya tujuh tetapi tidak lebih daripada sebelas anggota lain.

**Tempoh jawatan**

**73.** Seseorang anggota yang dilantik di bawah seksyen 72 hendaklah, melainkan jika dia terlebih dahulu meletakkan jawatannya atau mengosongkan jawatannya atau pelantikannya dibatalkan terlebih dahulu, memegang jawatan selama apa-apa tempoh tidak melebihi tiga tahun sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri pada masa pelantikannya, dan layak untuk dilantik semula; tetapi tiada anggota boleh memegang jawatan bagi tempoh lebih daripada dua penggal berturut-turut.

**Pembatalan pelantikan dan peletakan jawatan**

**74.** (1) Menteri boleh pada bila-bila masa membatalkan pelantikan mana-mana anggota Jawatankuasa Penasihat dan hendaklah menyatakan sebab bagi pembatalan itu.

(2) Seorang anggota Jawatankuasa Penasihat yang dilantik di bawah seksyen 72 boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya dengan memberikan suatu notis bertulis yang ditujukan kepada Menteri empat belas hari sebelum tarikh peletakan jawatan yang diniatkan itu.

**Penjalanan sementara fungsi Pengerusi**

**75.** (1) Menteri boleh melantik secara sementara mana-mana anggota Jawatankuasa Penasihat untuk bertindak sebagai Pengerusi selama tempoh apabila—

*(a)* Pengerusi atas sebab sakit, tidak hadir dengan kebenaran atau apa-apa sebab lain tidak boleh melaksanakan fungsinya bagi apa-apa tempoh yang lama; atau

*(b)* jawatan Pengerusi kosong.

(2) Seorang anggota yang dilantik di bawah subseksyen (1) hendaklah, semasa tempoh dia melaksanakan fungsi Pengerusi di bawah seksyen ini, disifatkan sebagai Pengerusi.

**Pengosongan jawatan**

**76.** Jawatan seorang anggota Jawatankuasa Penasihat hendaklah menjadi kosong—

*(a)* jika dia mati;

*(b)* jika telah dibuktikan terhadapnya, atau jika dia telah disabitkan atas, suatu pertuduhan berkenaan dengan—

(i) suatu kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak;

(ii) suatu kesalahan di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan rasuah; atau

(iii) apa-apa kesalahan lain yang boleh dihukum dengan pemenjaraan (sama ada pemenjaraan sahaja atau sebagai tambahan kepada denda atau sebagai ganti denda) selama tempoh yang melebihi dua tahun;

*(c)* jika kelakuannya, sama ada yang berkaitan dengan kewajipannya sebagai seorang anggota Jawatankuasa Penasihat atau selainnya, adalah sedemikian rupa sehingga mencemarkan nama baik Jawatankuasa Penasihat;

*(d)* jika dia menjadi bankrap;

*(e)* jika dia tidak sempurna akal atau selainnya tidak berupaya untuk menunaikan kewajipannya;

*(f)* dalam hal Pengerusi, jika dia tidak menghadiri suatu mesyuarat Jawatankuasa Penasihat tanpa kebenaran Menteri secara bertulis;

*(g)* dalam hal seorang anggota Jawatankuasa Penasihat selain Pengerusi, jika dia tidak menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Penasihat tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran Pengerusi secara bertulis;

*(h)* jika pelantikannya dibatalkan oleh Menteri; atau

*(i)* jika peletakan jawatannya diterima oleh Menteri.

**Elaun**

**77.** Pengerusi dan semua anggota Jawatankuasa Penasihat lain boleh dibayar apa-apa elaun yang ditentukan oleh Menteri selepas berunding dengan Menteri Kewangan.

**Masa dan tempat mesyuarat**

**78.** (1) Jawatankuasa Penasihat hendaklah mengadakan seberapa banyak mesyuarat yang perlu bagi melaksanakan fungsinya dengan cekap dan mesyuarat itu hendaklah diadakan di mana-mana tempat dan pada bila-bila masa yang diputuskan oleh Pengerusi, dengan syarat bahawa Pengerusi tidak boleh membenarkan lebih daripada dua bulan berlalu antara mesyuarat.

(2) Pengerusi hendaklah memanggil suatu mesyuarat jika dia diminta untuk berbuat demikian secara bertulis oleh Menteri atau oleh sekurang-kurangnya empat anggota Jawatankuasa Penasihat.

**Jawatankuasa Penasihat boleh mengundang orang lain untuk menghadiri mesyuarat**

**79.** (1) Jawatankuasa Penasihat boleh mengundang mana-mana orang untuk menghadiri mana-mana mesyuarat atau penimbangtelitian Jawatankuasa Penasihat bagi maksud menasihatinya mengenai apa-apa perkara yang sedang dibincangkan.

(2) Seseorang yang diundang di bawah subseksyen (1) hendaklah dibayar apa-apa elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Pesuruhjaya.

**Minit**

**80.** (1) Jawatankuasa Penasihat hendaklah menyebabkan supaya minit semua mesyuaratnya disenggarakan dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya.

(2) Minit yang dibuat mengenai mesyuarat Jawatankuasa Penasihat hendaklah, jika ditandatangani dengan sewajarnya, diterima dalam semua prosiding undang-undang sebagai keterangan tanpa bukti selanjutnya.

(3) Tiap-tiap mesyuarat Jawatankuasa Penasihat yang berkenaan dengan penjalanannya minit telah dibuat hendaklah disifatkan telah dipanggil dan diadakan dengan sewajarnya dan semua anggota pada mesyuarat itu layak dengan sewajarnya untuk bertindak.

### Tatacara

**81.** Jawatankuasa Penasihat boleh mengawal selia tatacaranya sendiri.

### Anggota hendaklah menumpukan masa kepada urusan Jawatankuasa Penasihat

**82.** Anggota Jawatankuasa Penasihat hendaklah menumpukan masa kepada urusan Jawatankuasa Penasihat sebagaimana yang perlu bagi menunaikan kewajipannya dengan berkesan.

## BAHAGIAN VII

## TRIBUNAL RAYUAN

### Penubuhan Tribunal Rayuan

**83.** Suatu Tribunal Rayuan ditubuhkan bagi maksud mengkaji semula mana-mana perkara dalam rayuan yang dinyatakan dalam seksyen 93.

### Kuasa Tribunal Rayuan

**84.** (1) Tribunal Rayuan hendaklah mempunyai kuasa—

*(a)* untuk memanggil pihak-pihak kepada prosiding atau mana-mana orang lain untuk hadir di hadapannya untuk memberikan keterangan berkenaan dengan sesuatu rayuan;

*(b)* untuk mendapatkan dan menerima keterangan secara bersumpah atau berikrar, sama ada secara bertulis atau lisan, dan memeriksa semua orang sedemikian sebagai saksi sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Tribunal Rayuan;

*(c)* jika seseorang dipanggil sedemikian, untuk menghendaki pengemukaan apa-apa maklumat, dokumen atau benda lain dalam milikannya atau di bawah kawalannya yang difikirkan perlu oleh Tribunal Rayuan bagi maksud rayuan itu;

*(d)* untuk mengendalikan apa-apa sumpah, ikrar atau akuan berkanun, mengikut kehendak keadaan;

*(e)* jika seseorang dipanggil sedemikian, untuk membenarkan bayaran bagi apa-apa belanja yang munasabah yang dilakukan berkaitan dengan kehadirannya;

*(f)* untuk menerima keterangan atau menolak keterangan yang dikemukakan, sama ada lisan atau dokumentar, dan sama ada boleh diterima atau tidak boleh diterima di bawah peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan kebolehterimaan keterangan;

*(g)* untuk menangguhkan pendengaran rayuan dari semasa ke semasa, termasuklah kuasa untuk menangguhkan bagi menimbangkan keputusannya; dan

*(h)* secara amnya untuk mengarahkan dan melakukan semua perkara yang perlu atau suai manfaat bagi mempercepat keputusan rayuan.

(2) Tribunal Rayuan hendaklah mempunyai kuasa suatu mahkamah rendah berkenaan dengan penguatkuasaan kehadiran saksi, pendengaran keterangan secara bersumpah atau berikrar dan menjatuhkan hukuman kerana penghinaan.

**Keanggotaan Tribunal Rayuan**

**85.** (1) Tribunal Rayuan hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut yang hendaklah dilantik oleh Menteri:

*(a)* seorang Pengerusi; dan

*(b)* sekurang-kurangnya dua orang anggota lain, atau apa-apa bilangan anggota yang lebih ramai sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Menteri.

(2) Menteri hendaklah melantik seseorang yang merupakan seorang anggota Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan Persekutuan selama sekurang-kurangnya sepuluh tahun untuk menjadi Pengerusi Tribunal Rayuan.

(3) Pelantikan anggota Tribunal Rayuan hendaklah disiarkan melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

**Setiausaha Tribunal Rayuan dan pegawai lain, dsb.**

**86.** (1) Menteri hendaklah melantik seorang Setiausaha Tribunal Rayuan atas apa-apa terma dan syarat yang difikirkannya wajar.

(2) Setiausaha Tribunal Rayuan hendaklah bertanggungjawab bagi pentadbiran dan pengurusan fungsi Tribunal Rayuan.

(3) Menteri boleh melantik apa-apa bilangan pegawai dan pekhidmat sebagaimana yang difikirkan patut oleh Menteri untuk membantu Setiausaha Tribunal Rayuan dalam menjalankan fungsinya di bawah subseksyen (2).

(4) Setiausaha Tribunal Rayuan hendaklah mempunyai kawalan am terhadap pegawai dan pekhidmat Tribunal Rayuan.

(5) Bagi maksud Akta ini, Setiausaha Tribunal Rayuan dan pegawai yang dilantik di bawah subseksyen (3) hendaklah disifatkan sebagai pegawai Tribunal Rayuan.

**Tempoh jawatan**

**87.** Seseorang anggota Tribunal Rayuan yang dilantik di bawah subseksyen 85(1) hendaklah, melainkan jika dia terlebih dahulu meletakkan jawatannya atau mengosongkan jawatannya atau pelantikannya dibatalkan terlebih dahulu—

*(a)* memegang jawatan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun; dan

*(b)* adalah layak untuk dilantik semula selepas habis tempoh jawatannya, tetapi tidak boleh dilantik bagi lebih daripada dua tempoh berturut-turut.

**Peletakan jawatan dan pembatalan jawatan**

**88.** (1) Menteri boleh pada bila-bila masa membatalkan pelantikan seseorang anggota Tribunal Rayuan dan hendaklah menyatakan sebab bagi pembatalan itu.

(2) Seseorang anggota Tribunal Rayuan yang dilantik di bawah subseksyen 85(1) boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya dengan memberikan suatu notis bertulis yang ditujukan kepada Menteri empat belas hari sebelum tarikh peletakan jawatan yang diniatkan itu.

**Penjalanan sementara fungsi Pengerusi**

**89.** (1) Menteri boleh melantik secara sementara mana-mana anggota Tribunal Rayuan untuk bertindak sebagai Pengerusi selama tempoh apabila—

*(a)* Pengerusi atas sebab sakit, tidak hadir dengan kebenaran atau apa-apa sebab lain tidak boleh melaksanakan fungsinya bagi apa-apa tempoh yang lama; atau

*(b)* jawatan Pengerusi kosong.

(2) Seseorang anggota yang dilantik di bawah subseksyen (1) hendaklah, semasa tempoh dia melaksanakan fungsi Pengerusi di bawah seksyen ini, disifatkan sebagai Pengerusi.

**Pengosongan jawatan**

**90.** Jawatan seseorang anggota Tribunal Rayuan hendaklah menjadi kosong—

*(a)* jika dia mati;

*(b)* jika telah dibuktikan terhadapnya, atau jika dia telah disabitkan atas, suatu pertuduhan berkenaan dengan—

(i) suatu kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak;

(ii) suatu kesalahan di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan rasuah; atau

(iii) apa-apa kesalahan lain yang boleh dihukum dengan pemenjaraan (sama ada pemenjaraan sahaja atau sebagai tambahan kepada denda atau sebagai ganti denda) selama tempoh yang melebihi dua tahun;

*(c)* jika kelakuannya, sama ada yang berkaitan dengan kewajipannya sebagai seorang anggota Tribunal Rayuan atau selainnya, adalah sedemikian rupa sehingga mencemarkan nama baik Tribunal Rayuan;

*(d)* jika dia menjadi bankrap;

*(e)* jika dia tidak sempurna akal atau selainnya tidak berupaya untuk menunaikan kewajipannya;

*(f)* jika dia tidak mematuhi obligasinya di bawah seksyen 92;

*(g)* jika prestasinya sebagai seorang anggota Tribunal Rayuan tidak memuaskan selama tempoh yang ketara;

*(h)* jika pelantikannya dibatalkan oleh Menteri; atau

*(i)* jika peletakan jawatannya diterima oleh Menteri.

**Elaun**

**91.** (1) Pengerusi Tribunal Rayuan yang dilantik di bawah perenggan 85(1)*(a)* hendaklah dibayar apa-apa elaun tetap dan elaun lain sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

(2) Anggota Tribunal Rayuan lain yang dilantik di bawah perenggan 85(1)*(b)* hendaklah dibayar—

*(a)* elaun bersidang harian semasa persidangan Tribunal Rayuan; dan

*(b)* elaun penginapan, perjalanan dan sara hidup,

yang ditentukan oleh Menteri.

**Penzahiran kepentingan**

**92.** (1) Seseorang anggota Tribunal Rayuan hendaklah menzahirkan, dengan secepat yang dapat dilaksanakan, kepada Pengerusi apa-apa kepentingan, sama ada substansial atau tidak, yang mungkin bercanggah dengan kewajipan anggota itu sebagai seorang anggota Tribunal Rayuan dalam sesuatu perkara tertentu.

(2) Jika Pengerusi berpendapat bahawa kepentingan anggota itu bercanggah dengan kewajipannya sebagai seorang anggota Tribunal Rayuan, Pengerusi hendaklah memaklumkan semua pihak kepada perkara itu mengenai percanggahan itu.

(3) Jika tiada pihak kepada perkara itu membantah mengenai percanggahan itu, anggota itu boleh terus melaksanakan kewajipannya sebagai seorang anggota Tribunal Rayuan berhubung dengan perkara itu.

(4) Jika sesuatu pihak kepada perkara itu membantah mengenai percanggahan itu, anggota Tribunal Rayuan itu tidak boleh meneruskan pelaksanaan kewajipannya sebagai seorang anggota Tribunal Rayuan berhubung dengan perkara itu.

(5) Kegagalan oleh anggota itu untuk menzahirkan kepentingannya di bawah subseksyen (1) hendaklah—

*(a)* menidaksahkan keputusan Tribunal Rayuan, melainkan jika semua pihak bersetuju untuk terikat dengan keputusan itu; dan

*(b)* menjadikan anggota itu tertakluk kepada pembatalan pelantikannya di bawah seksyen 88.

**Rayuan kepada Tribunal Rayuan**

**93.** (1) Mana-mana orang yang terkilan dengan keputusan Pesuruhjaya di bawah Akta ini berhubungan dengan perkara, termasuk—

(*a*) pendaftaran pengguna data di bawah Penggal 2 Bahagian II;

(*b*) keengganan Pesuruhjaya untuk mendaftarkan suatu tataamalan di bawah subseksyen 23(5);

(*c*) kegagalan pengguna data untuk mematuhi suatu permintaan mengakses data atau permintaan pembetulan data di bawah Penggal 4 Bahagian II;

(*d*) pengeluaran suatu notis penguatkuasaan di bawah seksyen 108;

(*e*) keengganan Pesuruhjaya untuk mengubah atau membatalkan suatu notis penguatkuasaan di bawah seksyen 109; dan

(*f*) keengganan Pesuruhjaya untuk menjalankan atau meneruskan suatu penyiasatan yang dimulakan dengan suatu aduan di bawah Bahagian VIII,

boleh merayu kepada Tribunal Rayuan dengan memfailkan suatu notis rayuan dengan Tribunal Rayuan.

(2) Notis rayuan itu hendaklah dibuat secara bertulis kepada Tribunal Rayuan dalam masa tiga puluh hari dari tarikh keputusan Pesuruhjaya, atau dalam hal suatu notis penguatkuasaan, dalam masa tiga puluh hari selepas notis penguatkuasaan itu disampaikan kepada pengguna data yang berkaitan, dan perayu hendaklah menyampaikan suatu salinan notis rayuan itu kepada Pesuruhjaya.

(3) Notis rayuan itu hendaklah menyatakan secara ringkas kandungan keputusan Pesuruhjaya yang terhadapnya suatu rayuan difailkan dengan Tribunal Rayuan, mengandungi alamat di mana apa-apa notis atau dokumen yang berkaitan dengan rayuan itu boleh disampaikan kepada perayu atau peguam belanya, dan hendaklah ditandatangani oleh perayu itu atau peguam belanya.

**Rekod keputusan Pesuruhjaya**

**94.** (1) Orang yang terkilan yang disebut dalam subseksyen 93(1) boleh, atas inisiatifnya sendiri, meminta secara bertulis daripada Pesuruhjaya suatu pernyataan mengenai alasan bagi keputusan Pesuruhjaya.

(2) Tertakluk kepada subseksyen (3), Pesuruhjaya hendaklah, apabila diterimanya permintaan bertulis di bawah subseksyen (1), memberi orang yang terkilan itu, apabila dibayar fi yang ditetapkan, suatu salinan pernyataan mengenai alasan bagi keputusannya.

(3) Apabila suatu notis rayuan telah difailkan dengan Tribunal Rayuan di bawah subseksyen 93(1), Pesuruhjaya hendaklah, jika dia belum lagi menulis alasan bagi keputusannya berkenaan dengan perkara yang dinyatakan dalam notis di bawah subseksyen 93(1), merekodkan secara bertulis alasan bagi keputusannya, dan alasan bertulis itu hendaklah menjadi sebahagian daripada rekod prosiding di hadapan Tribunal Rayuan.

**Penggantungan keputusan sementara menunggu rayuan**

**95.** (1) Sesuatu keputusan Pesuruhjaya adalah sah, mengikat dan boleh dikuatkuasakan sementara menunggu keputusan rayuan oleh Tribunal Rayuan, kecuali jika suatu rayuan terhadap suatu notis penguatkuasaan telah dibuat kepada Tribunal Rayuan mengikut subseksyen 93(2), atau penggantungan keputusan Pesuruhjaya telah dimohon di bawah subseksyen (2) dan dibenarkan oleh Tribunal Rayuan.

(2) Seseorang yang terkilan boleh memohon secara bertulis kepada Tribunal Rayuan bagi suatu penggantungan keputusan Pesuruhjaya pada atau selepas notis rayuan difailkan dengan Tribunal Rayuan.

**Keanggotaan Tribunal Rayuan**

**96.** (1) Tiap-tiap prosiding Tribunal Rayuan hendaklah didengar dan dibereskan oleh tiga anggota atau apa-apa bilangan ganjil yang lebih besar anggota Tribunal Rayuan sebagaimana yang ditentukan oleh Pengerusi dalam mana-mana hal tertentu.

(2) Dalam ketiadaan Pengerusi, anggota Tribunal Rayuan yang lebih kanan hendaklah menjadi Pengerusi.

**Persidangan Tribunal Rayuan**

**97.** (1) Tribunal Rayuan hendaklah bersidang pada apa-apa tarikh dan di mana-mana tempat yang ditetapkan oleh Pengerusi.

(2) Pengerusi boleh membatalkan atau menangguhkan mana-mana persidangan Tribunal Rayuan atau menukar tempat persidangan yang telah ditetapkan di bawah subseksyen (1).

(3) Setiausaha Tribunal Rayuan hendaklah melalui notis bertulis memaklumkan pihak-pihak kepada rayuan itu mengenai apa-apa perubahan tarikh atau tempat mana-mana persidangan Tribunal Rayuan.

**Tatacara Tribunal Rayuan**

**98.** Tribunal Rayuan boleh mengawal selia tatacaranya sendiri.

**Keputusan Tribunal Rayuan**

**99.** (1) Keputusan Tribunal Rayuan mengenai apa-apa perkara hendaklah diputuskan mengikut majoriti anggota Tribunal Rayuan.

(2) Sesuatu keputusan Tribunal Rayuan adalah muktamad dan mengikat pihak-pihak kepada rayuan itu.

**Penguatkuasaan keputusan Tribunal Rayuan**

**100.** Sesuatu keputusan yang diberikan oleh Tribunal Rayuan boleh, dengan kebenaran Mahkamah Sesyen, dikuatkuasakan dengan cara yang serupa dengan suatu penghakiman atau perintah yang mempunyai kesan yang serupa, dan jika kebenaran diberikan sedemikian, penghakiman boleh dimasukkan mengikut terma keputusan itu.

BAHAGIAN VIII

PEMERIKSAAN, ADUAN DAN PENYIASATAN

**Pemeriksaan sistem data peribadi**

**101.** (1) Pesuruhjaya boleh menjalankan suatu pemeriksaan mengenai—

*(a)* mana-mana sistem data peribadi yang digunakan oleh pengguna data bagi maksud menentukan maklumat untuk membantu Pesuruhjaya dalam membuat syor kepada pengguna data yang berkaitan berhubungan dengan penggalakan pematuhan peruntukan Akta ini, khususnya Prinsip Perlindungan Data Peribadi, oleh pengguna data yang berkaitan; atau

*(b)* mana-mana sistem data peribadi yang digunakan oleh pengguna data yang tergolong dalam golongan pengguna data bagi maksud menentukan maklumat untuk membantu Pesuruhjaya dalam membuat syor kepada golongan pengguna data yang dalamnya pengguna data yang berkaitan tergolong berhubungan dengan penggalakan pematuhan peruntukan Akta ini, khususnya Prinsip Perlindungan Data Peribadi, oleh golongan pengguna data yang dalamnya pengguna data yang berkaitan tergolong.

(2) Bagi maksud seksyen ini—

"pengguna data" termasuk pemproses data;

"sistem data peribadi" ertinya apa-apa sistem, sama ada berautomasi atau selainnya, yang digunakan, sama ada keseluruhannya atau sebahagiannya, oleh seorang pengguna data bagi pemprosesan data peribadi, dan termasuk rekod yang disenggarakan di bawah seksyen 44 dan apa-apa dokumen dan kelengkapan yang menjadi sebahagian daripada sistem itu.

**Pengguna data yang berkaitan, dsb., hendaklah dimaklumkan mengenai keputusan pemeriksaan**

**102.** Jika Pesuruhjaya telah menyelesaikan suatu pemeriksaan terhadap suatu sistem data peribadi, dia hendaklah mengikut apa-apa cara dan pada bila-bila masa yang difikirkannya patut memaklumkan pengguna data yang berkaitan atau golongan pengguna data yang dalamnya pengguna data yang berkaitan itu tergolong mengenai—

*(a)* keputusan pemeriksaan itu;

*(b)* apa-apa syor yang didapati daripada pemeriksaan itu yang difikirkan patut oleh Pesuruhjaya untuk dibuat berhubungan dengan penggalakan pematuhan peruntukan Akta ini, khususnya Prinsip Perlindungan Data Peribadi, oleh pengguna data yang berkaitan atau golongan pengguna data yang dalamnya pengguna data yang berkaitan itu tergolong; dan

*(c)* apa-apa ulasan lain yang berbangkit daripada pemeriksaan itu yang difikirkannya patut.

**Laporan oleh Pesuruhjaya**

**103.** (1) Pesuruhjaya boleh, selepas menyelesaikan pemeriksaan terhadap mana-mana sistem data peribadi yang digunakan oleh

pengguna data yang tergolong dalam suatu golongan pengguna data, menerbitkan suatu laporan—

*(a)* yang menyatakan apa-apa syor yang didapati daripada pemeriksaan yang difikirkan patut oleh Pesuruhjaya untuk dibuat berhubungan dengan penggalakan pematuhan peruntukan Akta ini, khususnya Prinsip Perlindungan Data Peribadi, oleh golongan pengguna data yang dalamnya pengguna data yang berkaitan tergolong; dan

*(b)* mengikut apa-apa cara yang difikirkannya patut.

(2) Sesuatu laporan yang diterbitkan di bawah subseksyen (1) hendaklah dibuat dengan sebegitu rupa supaya menghalang identiti mana-mana individu daripada dapat ditentukan daripadanya.

**Aduan**

**104.** Mana-mana individu atau orang yang berkaitan boleh membuat aduan secara bertulis kepada Pesuruhjaya mengenai sesuatu perbuatan, amalan atau permintaan—

*(a)* yang dinyatakan dalam aduan itu;

*(b)* yang telah dilakukan atau dibuat, atau yang sedang dilakukan atau dibuat, oleh pengguna data yang dinyatakan dalam aduan itu;

*(c)* yang berhubungan dengan data peribadi yang mengenainya individu itu merupakan subjek data; dan

*(d)* yang mungkin melanggar peruntukan Akta ini, termasuk mana-mana tataamalan.

**Penyiasatan oleh Pesuruhjaya**

**105.** (1) Jika Pesuruhjaya menerima suatu aduan di bawah seksyen 104, Pesuruhjaya hendaklah, tertakluk kepada seksyen 106, menjalankan suatu penyiasatan berhubung dengan pengguna data yang berkaitan untuk memastikan sama ada perbuatan, amalan atau permintaan yang dinyatakan dalam aduan itu melanggar peruntukan Akta ini.

(2) Jika Pesuruhjaya mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa suatu perbuatan, amalan atau permintaan telah dilakukan atau dibuat, atau sedang dilakukan atau dibuat, oleh pengguna data yang berkaitan berhubungan dengan data peribadi dan perbuatan, amalan atau permintaan itu mungkin melanggar peruntukan Akta ini, Pesuruhjaya boleh menjalankan suatu penyiasatan berhubungan dengan pengguna data yang berkaitan itu untuk memastikan sama ada perbuatan, amalan atau permintaan itu melanggar peruntukan Akta ini.

(3) Bahagian IX hendaklah terpakai berkenaan dengan penyiasatan yang dijalankan oleh Pesuruhjaya di bawah Bahagian ini.

**Sekatan terhadap penyiasatan yang dimulakan melalui aduan**

**106.** (1) Pesuruhjaya boleh enggan untuk menjalankan atau meneruskan suatu penyiasatan yang dimulakan melalui suatu aduan jika dia berpendapat bahawa, dengan mengambil kira semua hal keadaan mengenai hal itu—

*(a)* aduan itu, atau suatu aduan yang sebahagian besarnya bersifat seumpamanya, telah sebelum ini memulakan suatu penyiasatan yang akibat daripadanya Pesuruhjaya berpendapat bahawa tidak terdapat apa-apa pelanggaran peruntukan Akta ini;

*(b)* perbuatan, amalan atau permintaan yang dinyatakan dalam aduan itu adalah remeh-temeh;

(*c*) aduan itu adalah remeh, menyusahkan atau tidak dibuat dengan suci hati; atau

(*d*) mana-mana penyiasatan atau penyiasatan selanjutnya adalah kerana apa-apa sebab lain tidak perlu.

(2) Walau apa pun keluasan kuasa yang diberikan kepada Pesuruhjaya oleh Akta ini, Pesuruhjaya boleh enggan untuk menjalankan atau meneruskan suatu penyiasatan yang dimulakan melalui suatu aduan—

(*a*) jika—

(i) pengadu; atau

(ii) dalam hal pengadu ialah seorang yang berkaitan berhubungan dengan seorang subjek data, subjek data itu atau orang yang berkaitan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan,

mempunyai pengetahuan yang sebenar mengenai perbuatan, amalan atau permintaan yang dinyatakan dalam aduan itu bagi tempoh melebihi dua tahun sebaik sebelum tarikh Pesuruhjaya menerima aduan itu, melainkan jika Pesuruhjaya berpuas hati bahawa dalam semua hal keadaan mengenai hal itu adalah wajar untuk menjalankan atau meneruskan penyiasatan itu;

(*b*) jika aduan itu dibuat tanpa nama pengadu diketahui;

(*c*) jika pengadu tidak boleh dikenal pasti atau dikesan;

(*d*) jika Pesuruhjaya berpuas hati bahawa pengguna data yang berkaitan tidak menjadi seorang pengguna data bagi tempoh tidak kurang daripada dua tahun sebaik sebelum tarikh Pesuruhjaya menerima aduan itu; atau

(*e*) dalam mana-mana hal keadaan lain yang difikirkannya patut.

(3) Jika Pesuruhjaya enggan di bawah seksyen ini untuk menjalankan atau meneruskan suatu penyiasatan yang dimulakan melalui suatu aduan, dia hendaklah, dengan secepat yang dapat dilaksanakan tetapi dalam mana-mana hal tidak lewat daripada tiga puluh hari selepas tarikh penerimaan aduan itu, melalui notis bertulis yang disampaikan kepada pengadu itu memaklumkan pengadu itu mengenai keengganan itu dan sebab-sebab bagi keengganan itu.

(4) Sesuatu rayuan boleh dibuat kepada Tribunal Rayuan terhadap mana-mana keengganan yang dinyatakan dalam notis di bawah subseksyen (3) oleh pengadu yang kepadanya notis itu disampaikan atau jika pengadu ialah seorang yang berkaitan, oleh subjek data yang berkenaan dengannya pengadu ialah orang yang berkaitan.

**Pesuruhjaya boleh menjalankan atau meneruskan penyiasatan yang dimulakan melalui aduan walaupun aduan itu ditarik balik**

**107.** Jika Pesuruhjaya berpendapat bahawa adalah demi kepentingan awam untuk berbuat demikian, dia boleh menjalankan atau meneruskan suatu penyiasatan yang dimulakan melalui suatu aduan walaupun pengadu itu telah menarik balik aduan itu dan, dalam mana-mana hal sedemikian, peruntukan Akta ini hendaklah terpakai bagi aduan dan pengadu itu seolah-olah aduan itu telah tidak ditarik balik.

**Notis penguatkuasaan**

**108.** (1) Jika, berikutan dengan penyelesaian suatu penyiasatan mengenai suatu perbuatan, amalan atau permintaan yang dinyatakan dalam aduan, Pesuruhjaya berpendapat bahawa pengguna data yang berkaitan—

*(a)* melanggar suatu peruntukan Akta ini; atau

*(b)* telah melanggar peruntukan sedemikian dalam hal keadaan yang menjadikan berkemungkinan bahawa pelanggaran itu akan berterusan atau berulang,

maka Pesuruhjaya boleh menyampaikan suatu notis penguatkuasaan kepada pengguna data yang berkaitan—

(A) yang menyatakan bahawa dia berpendapat sedemikian;

(B) yang menyatakan peruntukan Akta ini yang berdasarkannya dia berpendapat sedemikian dan sebab-sebab kenapa dia berpendapat sedemikian;

(C) yang mengarahkan pengguna data yang berkaitan untuk mengambil apa-apa langkah yang dinyatakan dalam notis penguatkuasaan itu untuk meremedi pelanggaran itu atau, mengikut hal keadaan, perkara yang menyebabkannya dalam apa-apa tempoh yang dinyatakan dalam notis penguatkuasaan itu; dan

(D) yang mengarahkan, jika perlu, pengguna data yang berkaitan untuk memberhentikan pemprosesan data peribadi sementara menunggu pengguna data yang berkaitan meremedi pelanggaran itu.

(2) Pesuruhjaya hendaklah, dalam menentukan sama ada untuk menyampaikan suatu notis penguatkuasaan, menimbangkan sama ada pelanggaran atau perkara yang dengannya notis penguatkuasaan itu adalah berhubungan telah menyebabkan atau berkemungkinan akan menyebabkan kerosakan atau distres kepada subjek data bagi data peribadi yang dengannya pelanggaran atau perkara itu adalah berhubungan.

(3) Langkah yang dinyatakan dalam notis penguatkuasaan untuk meremedi pelanggaran atau perkara yang dengannya notis penguatkuasaan itu adalah berhubungan boleh dibuat—

*(a)* sehingga apa-apa takat dengan merujuk kepada mana-mana tataamalan yang telah diluluskan; atau

*(b)* supaya memberi pengguna data yang berkaitan suatu pilihan antara cara-cara yang berlainan untuk meremedi pelanggaran atau perkara itu.

(4) Tempoh yang dinyatakan dalam notis penguatkuasaan di bawah subseksyen (1) untuk mengambil langkah yang dinyatakan dalamnya tidak boleh habis tempoh sebelum berakhirnya tempoh yang dinyatakan dalam subseksyen 93(2) yang dalam tempoh itu suatu rayuan terhadap notis penguatkuasaan itu boleh dibuat dan, jika rayuan sedemikian dibuat, langkah itu tidak perlu diambil sementara menunggu penentuan atau penarikan balik rayuan itu.

(5) Walau apa pun subseksyen (4), jika Pesuruhjaya berpendapat bahawa atas alasan hal keadaan khas langkah yang dinyatakan dalam notis penguatkuasaan itu sepatutnya diambil atas dasar keterdesakan—

*(a)* dia boleh memasukkan suatu pernyataan yang membawa maksud sedemikian dalam notis penguatkuasaan itu berserta dengan sebab-sebab kenapa dia berpendapat sedemikian; dan

*(b)* jika pernyataan itu telah dimasukkan sedemikian, subseksyen (4) tidak terpakai tetapi notis penguatkuasaan itu tidak boleh menghendaki supaya langkah itu diambil sebelum berakhirnya tempoh tujuh hari dari tarikh notis penguatkuasaan itu disampaikan.

(6) Suatu rayuan boleh dibuat kepada Tribunal Rayuan terhadap suatu notis penguatkuasaan oleh pengguna data yang berkaitan mengikut seksyen 93.

(7) Jika Pesuruhjaya—

*(a)* mempunyai pendapat yang disebut dalam subseksyen (1) berkenaan dengan pengguna data yang berkaitan pada bila-bila masa sebelum suatu penyiasatan diselesaikan; dan

*(b)* juga berpendapat bahawa, atas alasan hal keadaan khas, suatu notis penguatkuasaan sepatutnya disampaikan kepada pengguna data yang berkaitan atas dasar keterdesakan,

dia boleh menyampaikan notis penguatkuasaan itu walaupun penyiasatan itu belum diselesaikan dan, dalam mana-mana hal sedemikian—

(A) Pesuruhjaya hendaklah, tanpa menjejaskan apa-apa perkara lain yang akan dimasukkan dalam notis penguatkuasaan itu, menyatakan dalam notis penguatkuasaan itu sebab-sebab tentang kenapa dia mempunyai pendapat yang disebut dalam perenggan *(b)*; dan

(B) peruntukan lain Akta ini, termasuk seksyen ini, hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya.

(8) Seseorang yang tidak mematuhi suatu notis penguatkuasaan melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

**Perubahan atau pembatalan notis penguatkuasaan**

**109.** Pesuruhjaya boleh, atas inisiatifnya sendiri atau atas permohonan seorang pengguna data yang berkaitan, mengubah atau membatalkan notis penguatkuasaan yang disampaikan di bawah subseksyen 108(1) melalui notis bertulis kepada pengguna data yang berkaitan jika Pesuruhjaya berpuas hati dengan tindakan yang diambil oleh pengguna data yang berkaitan untuk meremedi pelanggaran itu.

BAHAGIAN IX

PENGUATKUASAAN

**Pegawai diberi kuasa**

**110.** Pesuruhjaya boleh secara bertulis memberi kuasa mana-mana pegawai yang dilantik di bawah seksyen 50 dan 51 atau mana-mana pegawai awam untuk menjalankan kuasa penguatkuasaan di bawah Akta ini.

**Kad kuasa**

**111.** (1) Pesuruhjaya hendaklah mengeluarkan kepada setiap pegawai diberi kuasa suatu kad kuasa yang hendaklah ditandatangani oleh Pesuruhjaya.

(2) Apabila pegawai diberi kuasa menjalankan mana-mana kuasa penguatkuasaan di bawah Akta ini, dia hendaklah, apabila diminta, menunjukkan kepada orang yang terhadapnya kuasa itu sedang dijalankan kad kuasa yang dikeluarkan kepadanya di bawah subseksyen (1).

**Kuasa penyiasatan**

**112.** (1) Seseorang pegawai diberi kuasa boleh menyiasat pelakuan mana-mana kesalahan di bawah Akta ini.

(2) Bagi mengelakkan keraguan, diisytiharkan bahawa bagi maksud Akta ini, pegawai diberi kuasa hendaklah mempunyai segala atau mana-mana kuasa khas seorang pegawai polis daripada apa-apa jua pangkat berhubungan dengan penyiasatan polis dalam kes boleh tangkap seperti yang diperuntukkan di bawah Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*], dan kuasa itu adalah sebagai tambahan kepada kuasa yang diperuntukkan di bawah Akta ini dan bukan pengurangan baginya.

**Penggeledahan dan penyitaan dengan waran**

**113.** (1) Jika ternyata pada seseorang Majistret, berdasarkan maklumat bertulis dengan bersumpah daripada pegawai diberi kuasa dan selepas apa-apa siasatan sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Majistret, bahawa terdapat sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa—

*(a)* mana-mana premis telah digunakan bagi; atau

*(b)* ada di dalam mana-mana premis keterangan yang perlu untuk menjalankan suatu penyiasatan mengenai,

pelakuan suatu kesalahan di bawah Akta ini, Majistret boleh mengeluarkan suatu waran yang memberi kuasa pegawai diberi kuasa yang dinamakan dalam waran itu pada bila-bila masa yang munasabah pada waktu siang atau malam dan dengan atau tanpa bantuan, untuk memasuki premis itu dan jika perlu dengan menggunakan kekerasan.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), waran yang dikeluarkan oleh Majistret boleh memberikan kuasa penggeledahan dan penyitaan—

*(a)* mana-mana komputer, buku, akaun, data berkomputer atau dokumen lain yang mengandungi atau yang semunasabahnya disyaki mengandungi maklumat mengenai apa-apa kesalahan yang disyaki telah dilakukan;

*(b)* mana-mana papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran atau notis yang menyatakan atau yang menyiratkan bahawa orang itu didaftarkan di bawah Akta ini; atau

*(c)* apa-apa kelengkapan, peralatan atau barang yang semunasabahnya dipercayai dapat memberikan keterangan mengenai pelakuan kesalahan itu.

(3) Seorang pegawai diberi kuasa yang menjalankan penggeledahan di bawah subseksyen (1) boleh, bagi maksud menyiasat kesalahan itu, memeriksa mana-mana orang yang berada di dalam atau di premis itu.

(4) Seorang pegawai diberi kuasa yang membuat pemeriksaan terhadap seseorang di bawah subseksyen (3) atau seksyen 114 boleh menyita atau mengambil milik, dan menyimpan dalam jagaan selamat semua benda selain pakaian yang perlu yang dijumpai pada orang itu, dan apa-apa benda sedemikian yang mengenainya ada sebab untuk mempercayai bahawa benda itu merupakan peralatan atau keterangan lain mengenai kesalahan itu boleh ditahan sehingga orang itu dilepaskan atau dibebaskan.

(5) Apabila perlu untuk menyebabkan seseorang perempuan diperiksa, pemeriksaan itu hendaklah dilakukan oleh seorang perempuan lain dengan penuh kesopanan.

(6) Jika, oleh sebab sifat, saiz atau amaunnya, pemindahan mana-mana komputer, buku, akaun, data berkomputer atau dokumen lain, papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran, notis, kelengkapan, peralatan atau barang yang disita di bawah seksyen ini tidak dapat dilaksanakan, pegawai diberi kuasa hendaklah dengan apa-apa cara mengelak komputer, buku, akaun, data berkomputer atau dokumen lain, papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran, notis, kelengkapan, peralatan atau barang itu di dalam premis atau bekas yang di dalamnya ia dijumpai.

(7) Seseorang yang, tanpa kuasa yang sah, memecahkan, mengganggu atau merosakkan lak yang disebut dalam subseksyen (6) atau memindahkan mana-mana komputer, buku, akaun, data berkomputer atau dokumen lain, papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran, notis, kelengkapan, peralatan atau barang yang dilak atau cuba untuk berbuat demikian melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

**Penggeledahan dan penyitaan tanpa waran**

**114.** Jika seseorang pegawai diberi kuasa berpuas hati atas maklumat yang diterima bahawa dia mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa oleh sebab kelengahan dalam memperoleh suatu waran geledah di bawah seksyen 113 penyiasatan akan terjejas atau keterangan mengenai pelakuan suatu kesalahan mungkin diganggu, dipindahkan, dirosakkan atau dimusnahkan, pegawai diberi kuasa itu boleh memasuki premis itu dan menjalankan di dalam, pada dan berkenaan dengan premis itu semua kuasa yang disebut dalam seksyen 113 dengan cara yang sepenuhnya dan secukupnya seolah-olah dia diberi kuasa untuk berbuat demikian oleh suatu waran yang dikeluarkan di bawah seksyen itu.

**Capaian kepada data berkomputer**

**115.** (1) Seorang pegawai diberi kuasa yang menjalankan suatu penggeledahan di bawah seksyen 113 dan 114 hendaklah diberi capaian kepada data berkomputer sama ada disimpan dalam suatu komputer atau selainnya.

(2) Bagi maksud seksyen ini, "capaian"—

*(a)* termasuklah diberi kata laluan, kod penyulitan, kod penyahsulitan, perisian atau perkakasan yang perlu dan apa-apa cara lain yang dikehendaki untuk membolehkan data berkomputer itu difahami; dan

*(b)* mempunyai erti yang diberikan kepadanya oleh subseksyen 2(2) dan (5) Akta Jenayah Komputer 1997 [*Akta 563*].

**Waran boleh diterima walaupun cacat**

**116.** Suatu waran geledah yang dikeluarkan di bawah Akta ini adalah sah dan boleh dikuatkuasakan walau apa pun kecacatan, kesilapan atau peninggalan dalamnya atau dalam permohonan bagi

waran itu, dan mana-mana komputer, buku, akaun, data berkomputer atau dokumen lain, papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran, notis, kelengkapan, peralatan atau barang yang disita di bawah waran itu hendaklah boleh diterima sebagai keterangan dalam mana-mana prosiding di bawah Akta ini.

**Senarai komputer, buku, akaun, dsb., yang disita**

**117.** (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam subseksyen (2), jika mana-mana komputer, buku, akaun, data berkomputer atau dokumen lain, papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran, notis, kelengkapan, peralatan atau barang disita menurut Akta ini, pegawai diberi kuasa yang membuat penggeledahan itu—

*(a)* hendaklah menyediakan—

(i) suatu senarai komputer, buku, akaun, data berkomputer atau dokumen lain, papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran, notis, kelengkapan, peralatan atau barang yang disita itu dan hendaklah menandatangani senarai itu; dan

(ii) suatu notis bertulis mengenai penyitaan itu yang mengandungi alasan bagi penyitaan itu dan hendaklah menandatangani notis itu; dan

*(b)* hendaklah dengan secepat yang dapat dilaksanakan menyampaikan suatu salinan senarai komputer, buku, akaun, data berkomputer atau dokumen lain, papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran, notis, kelengkapan, peralatan atau barang yang disita dan notis bertulis mengenai penyitaan itu kepada penghuni premis yang telah digeledah, atau kepada ejen atau pekhidmatnya di dalam premis itu.

(2) Notis bertulis mengenai penyitaan itu tidak dikehendaki untuk disampaikan menurut perenggan (1)*(b)* jika penyitaan itu dibuat dengan kehadiran orang yang terhadapnya prosiding di bawah Akta

ini diniatkan untuk diambil, atau dengan kehadiran pemunya harta sedemikian atau ejennya, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(3) Jika premis itu tidak diduduki, pegawai diberi kuasa hendaklah menampalkan suatu salinan senarai komputer, buku, akaun, data berkomputer atau dokumen lain, papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran, notis, kelengkapan, peralatan atau barang yang disita itu di tempat yang mudah dilihat di premis itu.

**Pelepasan komputer, buku, akaun, dsb., yang disita**

**118.** (1) Jika mana-mana komputer, buku, akaun, data berkomputer atau dokumen lain, papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran, notis, kelengkapan, peralatan atau barang telah disita di bawah Akta ini, pegawai diberi kuasa yang membuat penyitaan itu boleh, selepas merujuk kepada Pendakwa Raya, melepaskan komputer, buku, akaun, data berkomputer atau dokumen lain, papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran, notis, kelengkapan, peralatan atau barang itu kepada orang yang ditentukan olehnya sebagai berhak secara sah kepadanya, jika komputer, buku, akaun, data berkomputer atau dokumen lain, papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran, notis, kelengkapan, peralatan atau barang itu tidak boleh dilucuthakkan di bawah Akta ini, dan tidak dikehendaki selainnya bagi maksud apa-apa prosiding di bawah Akta ini atau bagi maksud apa-apa pendakwaan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang lain, dan sekiranya sedemikian pegawai diberi kuasa yang membuat penyitaan itu, atau Kerajaan Persekutuan, Pesuruhjaya atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihak Kerajaan Persekutuan atau Pesuruhjaya tidak boleh dikenakan apa-apa prosiding oleh mana-mana orang jika penyitaan dan pelepasan komputer, buku, akaun, data berkomputer atau dokumen lain, papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran, notis, kelengkapan, peralatan atau barang itu telah dibuat dengan suci hati.

(2) Suatu rekod bertulis hendaklah dibuat oleh pegawai diberi kuasa yang membuat pelepasan komputer, buku, akaun, data berkomputer atau dokumen lain, papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran, notis, kelengkapan, peralatan atau barang di bawah subseksyen (1) yang menyatakan secara terperinci hal keadaan dan

sebab bagi pelepasan itu, dan dia hendaklah menghantarkan suatu salinan rekod itu kepada Pendakwa Raya dalam tempoh tujuh hari dari pelepasan itu.

**Tiada kos atau ganti rugi yang berbangkit daripada penyitaan boleh didapatkan**

**119.** Tiada seorang pun boleh, dalam apa-apa prosiding di hadapan mana-mana mahkamah berkenaan dengan mana-mana komputer, buku, akaun, data berkomputer atau dokumen lain, papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran, notis, kelengkapan, peralatan atau barang yang disita dalam menjalankan atau yang berupa sebagai menjalankan mana-mana kuasa yang diberikan di bawah Akta ini, berhak kepada kos prosiding itu atau kepada apa-apa ganti rugi atau relief lain melainkan jika penyitaan itu dibuat tanpa sebab yang munasabah.

**Halangan terhadap penggeledahan**

**120.** Mana-mana orang yang—

*(a)* enggan untuk memberi mana-mana pegawai diberi kuasa akses kepada mana-mana premis yang pegawai diberi kuasa itu berhak kepadanya di bawah Akta ini atau dalam melaksanakan apa-apa kewajipan yang dikenakan atau kuasa yang diberikan oleh Akta ini;

*(b)* mengamang, menghalang, menggalang atau melengahkan mana-mana pegawai diberi kuasa dalam membuat apa-apa kemasukan yang pegawai diberi kuasa itu berhak membuatnya di bawah Akta ini, atau dalam melaksanakan apa-apa kewajipan yang dikenakan atau kuasa yang diberikan oleh Akta ini; atau

*(c)* enggan untuk memberi mana-mana pegawai diberi kuasa apa-apa maklumat berhubungan dengan sesuatu kesalahan atau kesalahan yang disyaki di bawah Akta ini

atau apa-apa maklumat lain yang boleh semunasabahnya dikehendaki daripadanya dan yang ada dalam pengetahuannya atau dalam kuasanya untuk memberikannya,

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau kedua-duanya.

**Kuasa untuk menghendaki pengemukaan komputer, buku, akaun, dsb.**

**121.** Seorang pegawai diberi kuasa hendaklah, bagi maksud pelaksanaan Akta ini, mempunyai kuasa untuk melakukan semua atau mana-mana yang berikut:

*(a)* menghendaki pengemukaan mana-mana komputer, buku, akaun, data berkomputer atau dokumen lain yang disimpan oleh pengguna data atau mana-mana orang lain dan untuk memeriksa, meneliti dan memuat turun daripadanya, membuat salinannya atau mengambil cabutan daripadanya;

*(b)* menghendaki pengemukaan mana-mana dokumen pengenalan daripada mana-mana orang berhubungan dengan mana-mana perbuatan atau kesalahan di bawah Akta ini;

*(c)* membuat apa-apa siasatan yang perlu untuk memastikan sama ada peruntukan Akta ini telah dipatuhi.

**Kuasa untuk menghendaki kehadiran orang yang mempunyai pengetahuan tentang kes**

**122.** (1) Seorang pegawai diberi kuasa yang menjalankan suatu penyiasatan di bawah Akta ini boleh melalui perintah bertulis menghendaki kehadiran di hadapannya mana-mana orang yang pada

pendapat pegawai diberi kuasa itu mempunyai pengetahuan tentang fakta dan hal keadaan kes itu, dan orang itu hendaklah hadir sebagaimana yang dikehendaki sedemikian.

(2) Jika mana-mana orang enggan atau tidak hadir sebagaimana yang dikehendaki sedemikian, pegawai diberi kuasa itu boleh melaporkan keengganan atau ketidakhadiran itu kepada seorang Majistret yang hendaklah mengeluarkan suatu saman untuk memastikan kehadiran orang itu sebagaimana yang dikehendaki oleh perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1).

**Pemeriksaan orang yang mempunyai pengetahuan tentang kes**

**123.** (1) Seorang pegawai diberi kuasa yang menjalankan suatu penyiasatan di bawah Akta ini boleh memeriksa secara lisan mana-mana orang yang dikatakan mempunyai pengetahuan tentang fakta dan hal keadaan kes itu dan hendaklah mengubah ke dalam bentuk bertulis apa-apa pernyataan yang dibuat oleh orang yang diperiksa sedemikian.

(2) Orang itu adalah terikat untuk menjawab semua soalan yang berhubungan dengan kes itu yang diajukan kepadanya oleh pegawai diberi kuasa itu:

Dengan syarat bahawa orang itu boleh enggan untuk menjawab mana-mana soalan yang jawapannya berkecenderungan mendedahkannya kepada pertuduhan jenayah atau penalti atau pelucuthakan.

(3) Seseorang yang membuat suatu pernyataan di bawah seksyen ini adalah terikat di sisi undang-undang untuk menyatakan yang benar, sama ada pernyataan itu dibuat secara keseluruhannya atau sebahagiannya dalam menjawab soalan atau tidak.

(4) Pegawai diberi kuasa yang memeriksa seseorang di bawah subseksyen (1) hendaklah terlebih dahulu memaklumkan orang itu mengenai peruntukan subseksyen (2) dan (3).

(5) Sesuatu pernyataan yang dibuat oleh mana-mana orang di bawah seksyen ini hendaklah, bila mana mungkin, dicatatkan secara bertulis dan ditandatangani oleh orang yang membuatnya atau dilekatkan cap ibu jarinya, mengikut mana-mana yang berkenaan, selepas pernyataan itu dibacakan kepadanya dalam bahasa dia membuatnya dan selepas dia diberi peluang untuk membuat apa-apa pembetulan yang dia mahu.

**Kebolehterimaan pernyataan sebagai keterangan**

**124.** (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen ini, tiada pernyataan yang dibuat oleh mana-mana orang kepada seorang pegawai diberi kuasa dalam penjalanan suatu penyiasatan yang dibuat di bawah Akta ini boleh digunakan sebagai keterangan.

(2) Jika mana-mana saksi dipanggil bagi pendakwaan atau pembelaan, selain tertuduh, mahkamah hendaklah, atas permintaan tertuduh atau pendakwa, merujuk kepada mana-mana pernyataan yang dibuat oleh saksi itu kepada pegawai diberi kuasa dalam penjalanan penyiasatan di bawah Akta ini dan boleh kemudian, jika difikirkan patut oleh mahkamah demi kepentingan keadilan, mengarahkan supaya tertuduh diberi suatu salinan pernyataan itu dan pernyataan itu boleh digunakan untuk mencabar kebolehpercayaan saksi itu mengikut cara yang diperuntukkan oleh Akta Keterangan 1950 [*Akta 56*].

(3) Jika tertuduh telah membuat suatu pernyataan semasa penjalanan suatu penyiasatan, pernyataan itu boleh diterima sebagai keterangan untuk menyokong pembelaannya semasa penjalanan perbicaraan.

(4) Tiada apa jua dalam seksyen ini hendaklah disifatkan terpakai bagi apa-apa pernyataan yang dibuat dalam penjalanan perbarisan cam atau yang diliputi oleh seksyen 27 atau perenggan 32(1)*(a), (i)* dan *(j)* Akta Keterangan 1950.

(5) Apabila mana-mana orang dipertuduh atas mana-mana kesalahan yang berhubungan dengan—

*(a)* pembuatan; atau

*(b)* kandungan,

mana-mana pernyataan yang dibuat olehnya kepada seorang pegawai diberi kuasa dalam penjalanan suatu penyiasatan yang dibuat di bawah Akta ini, pernyataan itu boleh digunakan sebagai keterangan dalam kes pendakwaan.

**Pelucuthakan komputer, buku, akaun, dsb., yang disita**

**125.** (1) Mana-mana komputer, buku, akaun, data berkomputer atau dokumen lain, papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran, notis, kelengkapan, peralatan atau barang yang disita boleh dilucuthakkan.

(2) Suatu perintah bagi pelucuthakan komputer, buku, akaun, data berkomputer atau dokumen lain, papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran, notis, kelengkapan, peralatan atau barang yang disita dan boleh dilucuthakkan di bawah Akta ini hendaklah dibuat oleh mahkamah yang di hadapannya pendakwaan berkenaan dengannya telah diadakan jika dibuktikan sehingga memuaskan hati mahkamah bahawa suatu kesalahan di bawah Akta ini telah dilakukan dan bahawa komputer, buku, akaun, data berkomputer atau dokumen lain, papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran, notis, kelengkapan, peralatan atau barang yang disita itu ialah hal perkara bagi atau telah digunakan dalam pelakuan kesalahan itu, walaupun tiada orang telah disabitkan atas kesalahan itu.

(3) Jika tiada pendakwaan berkenaan dengan mana-mana komputer, buku, akaun, data berkomputer atau dokumen lain, papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran, notis, kelengkapan, peralatan atau barang yang disita di bawah Akta ini, komputer, buku, akaun, data berkomputer atau dokumen lain, papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran, notis, kelengkapan, peralatan atau barang itu hendaklah diambil dan disifatkan terlucut hak apabila habis tempoh satu bulan kalendar dari tarikh penyampaian notis ke alamat yang terakhir diketahui orang yang daripadanya komputer, buku, akaun, data berkomputer atau dokumen lain, papan tanda,

kad, surat, risalah, lembaran, notis, kelengkapan, peralatan atau barang itu disita yang menyatakan bahawa tiada pendakwaan berkenaan dengan komputer, buku, akaun, data berkomputer atau dokumen lain, papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran, notis, kelengkapan, peralatan atau barang itu, melainkan jika sebelum habis tempoh itu suatu tuntutan baginya dibuat mengikut cara yang dinyatakan dalam subseksyen (4), (5) dan (6).

(4) Mana-mana orang yang menegaskan bahawa dia ialah pemunya komputer, buku, akaun, data berkomputer atau dokumen lain, papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran, notis, kelengkapan, peralatan atau barang yang disebut dalam subseksyen (3) dan bahawa ia tidak boleh dilucuthakkan boleh memberi, sendiri atau melalui ejennya yang diberi kuasa secara bertulis, notis bertulis kepada pegawai diberi kuasa yang dalam milikannya komputer, buku, akaun, data berkomputer atau dokumen lain, papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran, notis, kelengkapan, peralatan atau barang itu dipegang bahawa dia menuntut komputer, buku, akaun, data berkomputer atau dokumen lain, papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran, notis, kelengkapan, peralatan atau barang itu.

(5) Apabila notis di bawah subseksyen (4) diterima, pegawai diberi kuasa hendaklah merujukkan perkara itu kepada Majistret bagi keputusannya.

(6) Majistret yang kepadanya perkara itu dirujukkan di bawah subseksyen (5) hendaklah mengeluarkan suatu saman yang menghendaki orang yang menegaskan bahawa dia ialah pemunya komputer, buku, akaun, data berkomputer atau dokumen lain, papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran, notis, kelengkapan, peralatan atau barang itu dan orang yang daripadanya ia disita untuk hadir di hadapan Majistret itu, dan apabila mereka hadir atau apabila mereka tidak hadir, setelah dibuktikan bahawa saman itu telah disampaikan dengan sewajarnya, Majistret itu hendaklah meneruskan pemeriksaan perkara itu dan, apabila dibuktikan bahawa suatu kesalahan di bawah Akta ini telah dilakukan dan bahawa komputer, buku, akaun, data berkomputer atau dokumen lain, papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran, notis, kelengkapan, peralatan atau barang yang disita itu ialah hal perkara bagi atau telah digunakan dalam pelakuan kesalahan

itu, Majistret hendaklah memerintahkan supaya komputer, buku, akaun, data berkomputer atau dokumen lain, papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran, notis, kelengkapan, peralatan atau barang itu dilucuthakkan, dan hendaklah, jika tiada bukti sedemikian, memerintahkan pelepasannya.

(7) Mana-mana komputer, buku, akaun, data berkomputer atau dokumen lain, papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran, notis, kelengkapan, peralatan atau barang yang dilucuthakkan atau disifatkan terlucut hak hendaklah diserahkan kepada Pesuruhjaya dan hendaklah dilupuskan mengikut apa-apa cara yang difikirkan patut oleh Pesuruhjaya.

**Percantuman kesalahan**

**126.** Walau apa pun apa-apa jua yang terkandung dalam seksyen 164 Kanun Tatacara Jenayah, jika seseorang dituduh atas lebih daripada satu kesalahan di bawah Akta ini, dia boleh dipertuduh atas dan dibicarakan dalam satu perbicaraan bagi seberapa banyak kesalahan yang dilakukan dalam jarak masa tidak kira apa jua pun tempohnya.

**Kuasa menangkap**

**127.** (1) Seorang pegawai diberi kuasa atau pegawai polis boleh menangkap tanpa waran mana-mana orang yang semunasabahnya dipercayai olehnya telah melakukan atau cuba melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini.

(2) Seorang pegawai diberi kuasa yang membuat tangkapan di bawah subseksyen (1) hendaklah tanpa kelengahan yang tidak perlu menyerahkan orang yang ditangkap sedemikian kepada pegawai polis yang paling hampir atau, jika tiada pegawai polis, membawa orang itu ke balai polis yang paling hampir, dan selepas itu orang itu hendaklah diperlakukan sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang yang berhubungan dengan tatacara jenayah yang sedang berkuat kuasa seolah-olah dia ditangkap oleh seorang pegawai polis.

BAHAGIAN X

PELBAGAI

**Daftar**

**128.** (1) Pesuruhjaya hendaklah menyenggarakan dalam kedua-dua bentuk fizikal dan elektronik suatu daftar sebagaimana yang dikehendaki di bawah Akta ini.

(2) Seseorang boleh apabila dibayarnya fi yang ditetapkan—

*(a)* memeriksa daftar itu; atau

*(b)* membuat salinan atau mengambil cabutan daripada suatu entri dalam daftar itu.

(3) Jika seseorang meminta supaya suatu salinan entri dalam daftar itu diberikan dalam bentuk elektronik, Pesuruhjaya boleh memberikan maklumat yang berkenaan melalui cara elektronik.

**Pemindahan data peribadi ke tempat di luar Malaysia**

**129.** (1) Seseorang pengguna data tidak boleh memindahkan mana-mana data peribadi mengenai seorang subjek data ke suatu tempat di luar Malaysia melainkan jika ke mana-mana tempat yang ditentukan oleh Menteri, atas syor Pesuruhjaya, melalui pemberitahuan yang disiarkan dalam *Warta*.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), Menteri boleh menentukan mana-mana tempat di luar Malaysia jika—

*(a)* di tempat itu ada berkuat kuasa mana-mana undang-undang yang sebahagian besarnya serupa dengan Akta ini, atau yang dapat digunakan bagi maksud yang sama seperti Akta ini; atau

(*b*) tempat itu memastikan suatu tahap perlindungan yang mencukupi berhubung dengan pemprosesan data peribadi yang sekurang-kurangnya setara dengan tahap perlindungan yang diberikan oleh Akta ini.

(3) Walau apa pun subseksyen (1), seseorang pengguna data boleh memindahkan mana-mana data peribadi ke suatu tempat di luar Malaysia jika—

(*a*) subjek data telah memberikan persetujuannya terhadap pemindahan itu;

(*b*) pemindahan itu perlu bagi pelaksanaan suatu kontrak antara subjek data dengan pengguna data itu;

(*c*) pemindahan itu perlu bagi penyempurnaan atau pelaksanaan suatu kontrak antara pengguna data itu dengan suatu pihak ketiga yang—

(i) dibuat atas permintaan subjek data itu; atau

(ii) adalah untuk kepentingan subjek data;

(*d*) pemindahan itu adalah bagi maksud mana-mana prosiding undang-undang atau bagi maksud untuk mendapatkan nasihat undang-undang atau untuk mewujudkan, menjalankan atau mempertahankan hak di sisi undang-undang;

(*e*) pengguna data itu mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa dalam segala hal keadaan mengenai hal itu—

(i) pemindahan itu adalah bagi mengelakkan atau mengurangkan tindakan yang memudaratkan terhadap subjek data;

(ii) adalah tidak praktikal untuk mendapatkan persetujuan subjek data secara bertulis mengenai pemindahan itu; dan

(iii) jika adalah praktikal untuk mendapatkan persetujuan itu, subjek data itu akan memberikan persetujuannya;

*(f)* pengguna data itu telah mengambil segala langkah berjaga-jaga yang munasabah dan telah menjalankan segala usaha yang wajar untuk memastikan bahawa data peribadi itu tidak akan diproses di tempat itu mengikut apa-apa cara yang, sekiranya tempat itu ialah Malaysia, akan menjadi suatu pelanggaran Akta ini;

*(g)* pemindahan itu perlu untuk melindungi kepentingan vital subjek data; atau

*(h)* pemindahan itu perlu oleh sebab ia berkepentingan awam dalam hal keadaan yang ditentukan oleh Menteri.

(4) Jika Pesuruhjaya mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa di tempat yang ditentukan di bawah subseksyen (1) tidak ada lagi berkuat kuasa mana-mana undang-undang yang sebahagian besarnya serupa dengan Akta ini, atau yang dapat digunakan bagi maksud yang sama seperti Akta ini—

*(a)* Pesuruhjaya hendaklah membuat apa-apa syor kepada Menteri yang hendaklah, sama ada dengan membatalkan atau meminda pemberitahuan yang dibuat di bawah subseksyen (1), menyebabkan tempat itu terhenti menjadi suatu tempat yang kepadanya data peribadi boleh dipindahkan di bawah seksyen ini; dan

*(b)* pengguna data itu hendaklah berhenti memindahkan apa-apa data peribadi mengenai seorang subjek data kepada tempat itu berkuat kuasa mulai dari tempoh yang ditentukan oleh Menteri dalam pemberitahuan itu.

(5) Seseorang pengguna data yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

(6) Bagi maksud seksyen ini, "tindakan yang memudaratkan", berhubungan dengan seorang subjek data, ertinya apa-apa tindakan yang boleh membawa kesan yang memudaratkan terhadap hak, faedah, keistimewaan, obligasi atau kepentingan subjek data itu.

**Pengumpulan, dsb., data peribadi yang menyalahi undang-undang**

**130.** (1) Seseorang tidak boleh dengan disedarinya atau secara melulu, tanpa persetujuan pengguna data—

*(a)* mengumpul atau menzahirkan data peribadi yang dipegang oleh pengguna data itu; atau

*(b)* menyebabkan penzahiran data peribadi yang dipegang oleh pengguna data itu kepada orang lain.

(2) Subseksyen (1) tidak terpakai bagi seseorang yang menunjukkan—

*(a)* bahawa pengumpulan atau penzahiran data peribadi itu atau perihal menyebabkan penzahiran data peribadi itu—

(i) adalah perlu bagi maksud menghalang atau mengesan sesuatu jenayah atau bagi maksud penyiasatan; atau

(ii) adalah dikehendaki atau dibenarkan oleh atau di bawah mana-mana undang-undang atau oleh perintah suatu mahkamah;

*(b)* bahawa dia bertindak dengan kepercayaan yang munasabah bahawa dia ada hak di sisi undang-undang untuk mengumpul atau menzahirkan data peribadi itu atau untuk menyebabkan penzahiran data peribadi itu kepada orang lain;

*(c)* bahawa dia bertindak dengan kepercayaan yang munasabah bahawa dia akan mendapat persetujuan pengguna data jika pengguna data itu mengetahui mengenai pengumpulan atau penzahiran data peribadi itu atau perihal menyebabkan penzahiran data peribadi itu dan hal keadaan mengenainya; atau

*(d)* bahawa pengumpulan atau penzahiran data peribadi itu atau perihal menyebabkan penzahiran data peribadi itu adalah berjustifikasi oleh sebab ia berkepentingan awam dalam hal keadaan yang ditentukan oleh Menteri.

(3) Seseorang yang mengumpul atau menzahirkan data peribadi atau menyebabkan penzahiran data peribadi dengan melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan.

(4) Seseorang yang menjual data peribadi melakukan suatu kesalahan jika dia telah mengumpul data peribadi itu dengan melanggar subseksyen (1).

(5) Seseorang yang menawarkan untuk menjual data peribadi melakukan suatu kesalahan jika—

*(a)* dia telah mengumpul data peribadi itu dengan melanggar subseksyen (1); atau

*(b)* dia kemudiannya mengumpul data peribadi itu dengan melanggar subseksyen (1).

(6) Bagi maksud subseksyen (5), sesuatu iklan yang menunjukkan bahawa data peribadi adalah untuk dijual atau mungkin akan dijual merupakan suatu tawaran untuk menjual data peribadi itu.

(7) Seseorang yang melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen ini boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

**Pensubahatan dan cubaan boleh dihukum sebagai kesalahan**

**131.** (1) Seseorang yang bersubahat dalam pelakuan atau yang cuba untuk melakukan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini adalah bersalah atas kesalahan itu dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan itu.

(2) Seseorang yang melakukan apa-apa perbuatan sebagai persediaan untuk melakukan atau sebagai pelanjutan kepada pelakuan mana-mana kesalahan di bawah Akta ini adalah bersalah atas kesalahan itu dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan itu:

Dengan syarat bahawa apa-apa tempoh pemenjaraan yang dikenakan tidak boleh melebihi setengah daripada tempoh maksimum yang diperuntukkan bagi kesalahan itu.

**Pengkompaunan kesalahan**

**132.** (1) Pesuruhjaya boleh, dengan keizinan secara bertulis Pendakwa Raya, mengkompaun apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana orang di bawah Akta ini dan yang ditetapkan menjadi suatu kesalahan boleh kompaun dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang yang disyaki telah melakukan kesalahan itu untuk mengkompaun kesalahan itu apabila dibayar kepada Pesuruhjaya suatu amaun wang yang tidak melebihi lima puluh peratus daripada amaun denda maksimum bagi kesalahan itu dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran bertulisnya.

(2) Sesuatu tawaran di bawah subseksyen (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan, dan jika amaun yang dinyatakan

dalam tawaran itu tidak dibayar dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu atau apa-apa masa lanjutan yang diberikan oleh Pesuruhjaya, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu dibuat.

(3) Jika sesuatu kesalahan telah dikompaun di bawah subseksyen (1), tiada pendakwaan boleh dimulakan berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran mengkompaun itu dibuat, dan mana-mana komputer, buku, akaun, data berkomputer atau dokumen lain, papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran, notis, kelengkapan, peralatan atau barang yang disita berkaitan dengan kesalahan itu boleh dilepaskan atau dilucuthakkan oleh Pesuruhjaya, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang difikirkannya patut untuk dikenakan mengikut syarat kompaun itu.

(4) Semua jumlah wang yang diterima oleh Pesuruhjaya di bawah seksyen ini hendaklah dibayar ke dalam Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan.

**Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan**

**133.** (1) Jika sesuatu pertubuhan perbadanan melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini, mana-mana orang yang pada masa pelakuan kesalahan itu ialah seorang pengarah, ketua pegawai eksekutif, ketua pegawai operasi, pengurus, setiausaha atau pegawai lain yang seumpamanya dalam pertubuhan perbadanan itu atau yang berupa bertindak atas mana-mana sifat sedemikian atau yang mengikut apa-apa cara atau sehingga apa-apa takat bertanggungjawab bagi pengurusan apa-apa hal ehwal pertubuhan perbadanan itu atau yang membantu dalam pengurusan sedemikian—

*(a)* boleh dipertuduh secara berasingan atau bersesama dalam prosiding yang sama bersekali dengan pertubuhan perbadanan itu; dan

*(b)* jika pertubuhan perbadanan itu didapati telah melakukan kesalahan itu, hendaklah disifatkan telah melakukan kesalahan itu melainkan jika, dengan mengambil kira jenis fungsinya atas sifat itu dan segala hal keadaan, dia membuktikan—

(i) bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuannya, persetujuannya atau pembiarannya; dan

(ii) bahawa dia telah mengambil segala langkah berjaga-jaga yang munasabah dan telah menjalankan segala usaha yang wajar untuk mengelakkan pelakuan kesalahan itu.

(2) Jika mana-mana orang di bawah Akta ini boleh dikenakan apa-apa hukuman atau penalti bagi perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkarannya, dia boleh dikenakan hukuman atau penalti yang sama bagi tiap-tiap perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran mana-mana pekerja atau ejennya, atau pekerja ejen itu, jika perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran itu telah dilakukan—

*(a)* oleh pekerja orang itu dalam masa penggajiannya;

*(b)* oleh ejen itu semasa bertindak bagi pihak orang itu; atau

*(c)* oleh pekerja ejen itu dalam masa penggajian pekerja itu dengan ejen itu atau selainnya bagi pihak ejen itu yang bertindak bagi pihak orang itu.

**Pendakwaan**

**134.** Tiada pendakwaan bagi sesuatu kesalahan di bawah Akta ini boleh dimulakan kecuali oleh atau dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya.

**Bidang kuasa untuk membicarakan kesalahan**

**135.** Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis lain yang berlawanan, Mahkamah Sesyen hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan mana-mana kesalahan di bawah Akta ini dan mengenakan hukuman penuh bagi mana-mana kesalahan sedemikian di bawah Akta ini.

**Penyampaian notis atau dokumen lain**

**136.** (1) Penyampaian sesuatu notis atau mana-mana dokumen lain kepada mana-mana orang hendaklah dilaksanakan—

*(a)* dengan menghantar serah notis atau dokumen lain itu kepada orang itu;

*(b)* dengan meninggalkan notis atau dokumen lain itu di alamat kediaman atau tempat perniagaan orang itu yang terakhir diketahui dalam suatu sampul yang ditujukan kepada orang itu; atau

*(c)* dengan menghantarkan notis atau dokumen lain itu melalui pos dalam suatu surat berdaftar Akuan Terima yang ditujukan kepada orang itu di alamat kediamannya atau tempat perniagaannya yang terakhir diketahui.

(2) Jika orang yang kepadanya telah ditujukan suatu surat berdaftar Akuan Terima yang mengandungi apa-apa notis atau dokumen lain yang boleh diberikan di bawah Akta ini diberitahu mengenai hakikat bahawa terdapat suatu surat berdaftar Akuan Terima yang sedang menunggunya di pejabat pos, dan orang itu enggan atau abai untuk mengambil surat berdaftar Akuan Terima itu, notis atau dokumen lain itu hendaklah disifatkan telah disampaikan kepadanya pada tarikh dia diberitahu sedemikian.

**Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948**

**137.** Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 [*Akta 198*] hendaklah terpakai bagi apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding terhadap Pesuruhjaya, Timbalan Pesuruhjaya, Penolong Pesuruhjaya, mana-mana pegawai atau pekhidmat Pesuruhjaya, mana-mana anggota Jawatankuasa Penasihat, mana-mana anggota, pegawai atau pekhidmat Tribunal Rayuan, atau mana-mana pegawai diberi kuasa berkenaan dengan apa-apa perbuatan, pengabaian atau keingkaran yang dilakukan atau ditinggalkan olehnya atas sifat yang sedemikian.

**Pekhidmat awam**

**138.** Pesuruhjaya, Timbalan Pesuruhjaya, Penolong Pesuruhjaya, mana-mana pegawai atau pekhidmat Pesuruhjaya, mana-mana anggota Jawatankuasa Penasihat, mana-mana anggota, pegawai atau pekhidmat Tribunal Rayuan, atau mana-mana pegawai diberi kuasa semasa menunaikan kewajipannya atau melaksanakan fungsinya atau menjalankan kuasanya di bawah Akta ini atas sifat sedemikian hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan [*Akta 574*].

**Perlindungan terhadap guaman dan prosiding undang-undang**

**139.** Tiada tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding lain boleh diambil atau dibawa, dimulakan atau dibuat dalam mana-mana mahkamah terhadap—

*(a)* Pesuruhjaya, Timbalan Pesuruhjaya, Penolong Pesuruhjaya atau mana-mana pegawai atau pekhidmat Pesuruhjaya;

*(b)* mana-mana anggota Jawatankuasa Penasihat;

*(c)* mana-mana anggota, pegawai atau pekhidmat Tribunal Rayuan; atau

(*d*) mana-mana pegawai diberi kuasa,

berkenaan dengan apa-apa perbuatan atau peninggalan yang dilakukan atau ditinggalkan olehnya dengan suci hati atas sifat yang sedemikian.

**Perlindungan pemberi maklumat**

**140.** (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam subseksyen (2) dan (3), tiada saksi dalam mana-mana prosiding sivil atau jenayah menurut Akta ini boleh dikehendaki atau dibenarkan untuk menzahirkan nama atau alamat mana-mana pemberi maklumat atau isi dan jenis maklumat yang diterima daripadanya atau untuk menyatakan apa-apa perkara yang mungkin menyebabkan dia diketahui.

(2) Jika mana-mana komputer, buku, akaun, data berkomputer atau dokumen lain, papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran, notis, kelengkapan, peralatan atau barang yang menjadi keterangan atau yang boleh diperiksa dalam mana-mana jua prosiding sivil atau jenayah mengandungi apa-apa entri yang menamakan atau memerihalkan mana-mana pemberi maklumat dalamnya atau yang mungkin menyebabkan dia diketahui, mahkamah hendaklah menyebabkan semua entri sedemikian ditutup daripada penglihatan atau dipadamkan setakat yang perlu untuk melindungi pemberi maklumat itu daripada diketahui.

(3) Jika dalam sesuatu perbicaraan bagi apa-apa kesalahan di bawah Akta ini mahkamah, selepas siasatan penuh tentang kes itu, berpendapat bahawa pemberi maklumat itu dengan sengaja membuat dalam aduannya suatu pernyataan material yang dia tahu atau percaya adalah palsu atau tidak percaya adalah benar, atau jika dalam mana-mana prosiding lain mahkamah berpendapat bahawa keadilan tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya antara pihak-pihak dalam prosiding itu tanpa pemberi maklumat itu diketahui, mahkamah boleh menghendaki pengemukaan aduan asal, jika bertulis, dan membenarkan siasatan dan menghendaki penzahiran sepenuhnya tentang pemberi maklumat itu.

**Obligasi kerahsiaan**

**141.** (1) Kecuali bagi mana-mana maksud Akta ini atau bagi maksud apa-apa prosiding sivil atau jenayah di bawah mana-mana undang-undang bertulis atau jika selainnya dibenarkan oleh Menteri—

*(a)* Pesuruhjaya, Timbalan Pesuruhjaya, Penolong Pesuruhjaya, mana-mana pegawai atau pekhidmat Pesuruhjaya, mana-mana anggota Jawatankuasa Penasihat, mana-mana anggota, pegawai atau pekhidmat Tribunal Rayuan, mana-mana pegawai diberi kuasa atau mana-mana orang yang menghadiri mana-mana mesyuarat atau pertimbangtelitian Jawatankuasa Penasihat, sama ada semasa atau selepas tempoh jawatan atau penggajiannya, tidak boleh menzahirkan apa-apa maklumat yang diperoleh olehnya semasa menjalankan kewajipannya; dan

*(b)* tiada seorang lain yang telah melalui apa-apa cara mendapat akses kepada apa-apa maklumat atau dokumen yang berhubungan dengan hal ehwal Pesuruhjaya boleh menzahirkan maklumat atau dokumen itu.

(2) Seseorang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

**Benda yang dilakukan dalam menjangkakan Akta ini akan diperbuat**

**142.** Segala perbuatan dan benda yang dilakukan oleh mana-mana orang sebagai persediaan bagi atau dalam menjangkakan Akta ini diperbuat dan apa-apa perbelanjaan yang dilakukan berhubungan dengannya hendaklah disifatkan telah dibenarkan di bawah Akta ini, dengan syarat bahawa perbuatan dan benda yang dilakukan itu adalah

selaras dengan niat dan maksud am Akta ini; dan segala hak dan obligasi yang diperoleh atau ditanggung akibat pelakuan perbuatan atau benda itu termasuk apa-apa perbelanjaan yang dilakukan berhubungan dengannya, hendaklah apabila Akta ini mula berkuat kuasa disifatkan sebagai hak dan obligasi Pesuruhjaya.

**Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan**

**143.** (1) Menteri boleh membuat apa-apa peraturan yang perlu atau suai manfaat bagi maksud pelaksanaan peruntukan Akta ini.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan kuasa yang diberikan oleh subseksyen (1), Menteri boleh membuat peraturan-peraturan bagi segala atau mana-mana maksud yang berikut:

*(a)* mengawal selia semua perkara yang berhubungan dengan pendaftaran pengguna data di bawah Akta ini, termasuk menetapkan fi pendaftaran dan fi pembaharuan;

*(b)* mengawal selia semua perkara yang perlu bagi pelaksanaan Prinsip Perlindungan Data Peribadi;

*(c)* mengawal selia tatacara berkenaan dengan pemeriksaan sistem data peribadi, penyiasatan aduan dan pengeluaran notis penguatkuasaan, dan semua perkara lain yang berhubungan dengannya;

*(d)* menetapkan kesalahan yang boleh dikompaun dan borang yang hendak digunakan dan kaedah dan tatacara bagi pengkompaunan kesalahan itu;

*(e)* memperuntukkan dan menetapkan apa-apa fi yang kena dibayar berkaitan dengan penyediaan apa-apa perkhidmatan atau apa-apa perkara di bawah Akta ini;

*(f)* menetapkan apa-apa perkara yang baginya Akta ini membuat peruntukan nyata supaya dibuat melalui peraturan-peraturan;

*(g)* menetapkan semua perkara lain yang perlu atau suai manfaat untuk ditetapkan bagi melaksanakan Akta ini.

(3) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen ini atau mana-mana perundangan subsidiari lain yang dibuat di bawah Akta ini boleh menetapkan apa-apa perbuatan atau peninggalan yang berlanggaran dengan peraturan-peraturan atau perundangan subsidiari lain itu menjadi suatu kesalahan dan boleh menetapkan penalti denda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

**Pencegahan anomali**

**144.** (1) Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, membuat apa-apa ubah suaian kepada peruntukan Akta ini yang nyata padanya adalah perlu atau suai manfaat bagi maksud menghapuskan apa-apa kesulitan atau mencegah apa-apa anomali akibat permulaan kuat kuasa Akta ini.

(2) Menteri tidak boleh menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen (1) selepas habis tempoh satu tahun dari tarikh yang ditetapkan.

(3) Dalam seksyen ini, "ubah suaian" ertinya pindaan, tambahan, pemotongan dan penggantian mana-mana peruntukan Akta ini.

## BAHAGIAN XI

### PERUNTUKAN KECUALIAN DAN PERALIHAN

**Data peribadi yang diproses sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini**

**145.** Jika seseorang pengguna data telah mengumpul data peribadi daripada subjek data atau mana-mana pihak ketiga sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, dia hendaklah mematuhi peruntukan

Akta ini dalam masa tiga bulan dari tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini.

**Pendaftaran orang yang memproses data peribadi sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini**

**146.** (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), mana-mana orang yang pada tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, sama ada dia sendiri atau bersesama atau bersama dengan orang lain, memproses apa-apa data peribadi atau mempunyai kawalan atau membenarkan pemprosesan apa-apa data peribadi, hendaklah dalam masa tiga bulan dari tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini didaftarkan sebagai seorang pengguna data mengikut peruntukan Akta ini.

(2) Subseksyen (1) tidak terpakai bagi seseorang pengguna data yang tidak tergolong dalam golongan pengguna data yang dikehendaki untuk berdaftar sebagai pengguna data menurut peruntukan Penggal 2 Bahagian II.

# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

## Akta 709

## AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010

SENARAI PINDAAN

| Undang-undang meminda | Tajuk ringkas | Berkuat kuasa dari |
|---|---|---|

- TIADA -

# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

## Akta 709

## AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010

SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA

| Seksyen | Kuasa meminda | Berkuat kuasa dari |
|---|---|---|

- TIADA -